





Laporan Tahunan 2010

Penerbitan 2011

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) 2011

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Peti Surat 11833, 50758 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia
ISSN 1675 - 1612



K A N D

4

BUDAYA KORPORAT

7

TADBIR URUS

Perutusan Pengerusi 9

Anggota Lembaga 11

Sekapur Sirih 12

Pengurusan Atasan 13

Carta Organisasi 14

15

PRESTASI KORPORAT

Kutipan Hasil 17

Kecekapan Pengurusan Cukai 19

Pematuhan Cukai 19

Penguatkuasaan dan Pendakwaan 21

Pungutan 23

Perkhidmatan Pelanggan 27

Program Pendidikan Cukai 30

Perkhidmatan Elektronik 34

Pembesaran Asas Cukai 38

Ejen Pemungutan PTPTN 38

Hak Pembayar Cukai 39

Tanggungjawab Sosial Korporat 40



U N G A N LAPORAN TAHUNAN 2 0 1 0

41 JARINGAN ANTARABANGSA

45 PEMBANGUNAN MODAL INSAN

51 BUDAYA KERJA BERPRESTASI TINGGI

57 DIARI HASIL

63 PENYATA KEWANGAN

95 LAMPIRAN

BUDAYA KORPORAT

Budaya Korporat LHDNM dibentuk bagi menyemai nilai moral dan komitmen di kalangan warga Hasil ke arah pencapaian Visi, Misi dan Objektif yang telah ditetapkan. Penghayatan dan pembudayaan nilai-nilai korporat ini akan memacu budaya kerja yang cemerlang dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan dan masyarakat.



Visi

Pentadbir Cukai Terunggul



Misi

Memberi perkhidmatan percukaian yang berkualiti dan berintegriti ke arah meningkatkan pematuhan sukarela



Objektif

Melaksanakan sistem pengurusan percukaian yang berkesan, adil dan saksama



Dasar Kualiti

Berteraskan integriti, kami komited memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk pelanggan



Slogan

Bersama Membangun Negara



Moto Perkhidmatan

Perkhidmatan Terbaik Untuk Anda

Fungsi

Fungsi LHDNM:

- Bertindak sebagai ejen kerajaan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pesaka, duti setem dan cukai lain yang dipersetujui antara kerajaan dan Lembaga;
- Menasihati kerajaan tentang perkara-perkara berhubung dengan percukaian dan bekerjasama dengan kementerian dan badan berkanun berkaitan perkara-perkara tersebut;
- Menyertai mesyuarat, perbincangan dan perjanjian tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan percukaian di dalam atau di luar negara;
- Menjadi ejen pemungutan untuk dan bagi pihak mana-mana badan untuk mendapatkan pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis; dan
- Melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberi kepada LHDNM oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.

Tanggungjawab

LHDNM bertanggungjawab mentadbir undang-undang berikut:

- a. Akta Cukai Pendapatan 1967;
- b. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967;
- c. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976;
- d. Akta Setem 1949;
- e. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990; dan
- f. Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

LHDNM perlu mematuhi semua Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dengan kerajaan negara-negara luar. Selain itu, LHDNM juga perlu mematuhi semua perundangan yang ada kaitan dengan pentadbiran LHDNM:

- a. Perlembagaan Persekutuan 1957;
- b. Akta Tafsiran 1948 dan 1967;
- c. Akta Had Masa 1953;
- d. Akta Mahkamah Kehakiman 1964;
- e. Akta Syarikat 1965;
- f. Akta Kebankrapan 1967;
- g. Kanun Tanah Negara 1965;
- h. Kanun Acara Jenayah (Akta 593);
- i. Kanun Keseksaan (Akta 574);
- j. Kaedah-kaedah Penggulangan Syarikat 1965;
- k. Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980; dan
- l. Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980.

Di samping itu, LHDNM masih lagi mentadbir beberapa perundangan yang telah dimansuhkan bagi menyelesaikan kes-kes tahun kebelakangan:

- a. Enakmen Duti Harta Pusaka 1941; dan
- b. Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984.

Anggota Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

LHDNM adalah dikawal selia oleh Anggota Lembaga yang terdiri daripada:

- a. Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang juga merangkap Pengerusi LHDNM;
- b. Peguam Negara atau wakilnya;
- c. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya;
- d. Dua orang lain mewakili kerajaan yang dilantik oleh Menteri Kewangan; dan
- e. Dua orang lain yang dilantik oleh Menteri Kewangan dari sektor swasta.

Anggota Lembaga telah bermesyuarat sebanyak enam kali dalam tahun 2010.

Alamat Rasmi

Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah
Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tingkat 15, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Duta, Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur

Telefon	: 03-6209 1000
Faks	: 03-6201 3798
Laman Web	: www.hasil.gov.my
Blog Rasmi	: http://blog.hasil.gov.my

**TADBIR
URUS**

TADBIR
URUS

PERUTUSAN PENGGERUSI

**Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia
Merangkap Pengerusi
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**



Selaras dengan aspirasi kerajaan ke arah menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan (*Government Transformation Programme* [GTP]) telah diperkenalkan dengan memperincikan objektif, keberhasilan dan set tindakan permulaan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian. Bagi menjayakan program ini, GTP dibuat berdasarkan kepada konsep “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” dengan menekankan aspek penyampaian perkhidmatan yang berinovatif dan berkesan oleh perkhidmatan awam.

Seiring dengan matlamat ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) selaku ejen pemungut hasil cukai langsung negara, terus menyokong dan mendukung usaha kerajaan dalam mencapai objektif yang digariskan. Tahun 2010 sekali lagi merekodkan kecemerlangan LHDNM dalam mengutip cukai langsung kasar negara iaitu sebanyak RM86.50 bilion. Kutipan kasar ini menyumbang kepada lebih 50% daripada Hasil Kerajaan Persekutuan. Sesungguhnya kejayaan ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa kerjasama dan komitmen daripada seluruh warga Hasil. Slogan ‘Bersama Membangun Negara’ secara tidak langsung menyokong konsep “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Kejayaan LHDNM dalam mencapai prestasi pada tahun 2010 menunjukkan keberkesanan Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators* [KPI]) sebagai motivasi kepada warga Hasil untuk bergerak ke arah kecemerlangan. KPI yang efektif dan berkesan mampu memberikan semangat di kalangan tenaga kerja untuk bersaing secara sihat antara satu sama lain dan keinginan untuk sentiasa maju dalam apa jua tugas yang dilakukan. Tahap usaha dan kesungguhan warga Hasil kepada tugas dan tanggungjawab yang diberikan dalam mencapai KPI yang ditetapkan menjadi landasan untuk meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan kepada rakyat.

Bagi memantapkan lagi aspek pengurusan percukaian, LHDNM akan sentiasa berada satu langkah di hadapan dan terus berinovasi agar perkhidmatan percukaian yang diberikan bertaraf dunia. Budaya inovasi yang diamalkan adalah berpaksikan integriti dan etika memandangkan nilai-nilai integriti yang mantap akan memberikan manfaat kepada sesebuah organisasi. LHDNM secara berterusan melakukan inovasi dalam penambahbaikan dan pembangunan rangkaian perkhidmatan elektronik yang ditawarkan kepada pelanggan. Komitmen LHDNM dalam menyuntik elemen inovasi dan kreativiti ini mendapat pengiktirafan apabila berjaya dinobatkan sebagai penerima Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2009 pada tahun 2010.

Peranan pembayar cukai dalam memastikan kejayaan ini tidak kurang pentingnya. Kesediaan mereka untuk memberi kerjasama dan sokongan menunjukkan semangat kenegaraan yang tinggi untuk menyumbang ke arah kesejahteraan dan pembangunan negara. Perancangan dan pelaksanaan program-program percukaian akan lebih fokus kepada cabaran-cabaran semasa dan masa hadapan bagi memastikan komitmen pembayar cukai untuk terus berbakti kepada negara tercinta. Sinergi dan persefahaman yang berterusan di antara LHDNM dan pembayar cukai ini adalah suatu kembara yang mampu membawa negara ke satu fasa pembangunan yang lebih tinggi.

Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pembayar cukai khususnya dan masyarakat Malaysia amnya atas sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam memastikan prestasi kutipan hasil LHDNM 2010 tercapai. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Anggota Lembaga yang telah menyumbangkan masa, tenaga dan idea-idea yang bernas untuk memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan di bawah pelan tindakan tahunan menepati sasaran dan strategi LHDNM. Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh warga Hasil atas komitmen dan kesungguhan yang diberikan dalam memastikan kecemerlangan LHDNM yang berterusan.



TAN SRI DATO' SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH

ANGGOTA LEMBAGA

Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Perbendaharaan Malaysia
Merangkap Pengerusi
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



1 Dato' Sri Abu Bakar bin Hj. Abdullah
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
(mulai 1 Julai 2010)

2 Dato' Engku Nor Faizah binti Engku Atek
Penggubal Undang-Undang Parlimen
Bahagian Gubalan
Jabatan Peguam Negara Malaysia

3 Wan Selamah binti Wan Sulaiman
Akauntan Negara
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
(mulai 18 Disember 2010)

4 Dato' Siti Halimah binti Ismail
Setiausaha Bahagian Analisa Cukai
Perbendaharaan Malaysia

5 Datuk Wira Haji Ahmad Rusli bin Joharie
Konsultan Swasta

6 Dato' Mohd Salleh bin Mahmud
Konsultan Swasta
(mulai 18 Disember 2010)

SEKAPUR SIRIH

**Ketua Pegawai Eksekutif/
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**



Tahun 2010 dimulakan dengan semangat dan azam yang jitu untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan jayanya serta memastikan matlamat yang telah disasar dapat dicapai dengan cemerlang. Justeru, LHDNM terus mengatur langkah membentuk inisiatif-inisiatif serta tindakan-tindakan dalam melaksanakan fungsi sebagai ejen kerajaan serta menuju ke arah kecemerlangan dalam mengurus dan mentadbir cukai langsung negara demi kesejahteraan rakyat.

Untuk menjadi sebuah organisasi yang unggul dan disegani, adalah tidak memadai sekiranya LHDNM sekadar menjadi ejen kutipan hasil negara. Sebaliknya, LHDNM perlu menjadi organisasi yang menjadi tunggak harapan kepada negara untuk sistem kutipan cukai yang mantap, tempat harapan dan kepercayaan orang awam khususnya pembayar cukai bagi mendapat khidmat nasihat serta layanan cukai yang adil dan saksama. Sebagai agensi utama mengutip cukai negara, LHDNM juga perlu dilihat sebagai rujukan serta rakan dialog yang penting kepada negara-negara serantau dalam aspek pentadbiran percukaian. Oleh yang demikian adalah wajar LHDNM menyediakan pelbagai kemudahan yang signifikan seperti pusat latihan, teknologi, pusat sumber dan sebagainya yang bertaraf dunia dalam membentuk sumber kerja yang profesional, berintegriti serta pakar dalam bidang percukaian dan sebagainya. Pada masa yang sama, LHDNM berusaha mewujudkan suasana kerja yang harmoni, kemudahan-kemudahan yang kompetitif serta peluang peningkatan kerjaya dan sahsiah diri kepada pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja secara serius untuk membolehkan daya produktiviti ditingkatkan.

Seperti tahun 2009, setiap langkah yang diambil untuk menuju puncak kecemerlangan diatur berlandaskan Perancangan Strategik LHDNM 2009-2013. Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators* [KPI]) menjadi kayu pengukur kepada prestasi organisasi ke arah pencapaian aspirasi dan hala tuju yang ditetapkan. Sehubungan itu, bagi memastikan KPI 2010 dicapai dengan lebih berkesan, LHDNM telah memberi penekanan kepada dua tindakan utama iaitu tindakan yang menjana hasil dan tindakan untuk mengekalkan perkhidmatan terbaik untuk pembayar cukai. Pengemudian dua tindakan ini secara strategik adalah penting untuk memacu kesinambungan kecemerlangan LHDNM dalam mengutip cukai langsung negara.

Tahun 2010 juga menyaksikan LHDNM meneruskan usaha untuk melahirkan pakar dalam bidang-bidang tertentu seperti pindahan harga, percukaian terhadap transaksi merentasi sempadan dan perjanjian pengelakan pencukaian dua kali. Selain itu, perencanaan untuk menjadikan Akademi Percukaian Malaysia (APM) sebuah pusat rujukan percukaian serantau dan antarabangsa turut diperkasakan sebagaimana yang telah dirancang. Langkah ini perlu untuk melahirkan modal insan yang akan memberi tambah nilai kepada perkhidmatan yang diberikan dan seterusnya menjadikan LHDNM sebuah organisasi yang berprestasi tinggi selaras dengan visi LHDNM untuk menjadi pentadbir cukai terunggul di dunia.

Sebuah organisasi yang dipacu oleh budaya berprestasi tinggi (*high performance culture*) mampu memberikan inspirasi kepada setiap warga kerjanya untuk sentiasa berusaha memperbaiki dan memajukan diri dalam setiap tugas dan tanggungjawab yang diberikan. Budaya berprestasi tinggi tidak akan memberi sebarang makna tanpa inovasi kerana inovasi adalah pemacu kepada transformasi. Ia dapat diterjemahkan kepada pelaksanaan sistem penyampaian percukaian yang berkualiti dan berintegriti selaras dengan moto perkhidmatan LHDNM iaitu "Perkhidmatan Terbaik Untuk Anda".

Kejayaan LHDNM dinobatkan sebagai penerima Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2009 pada tahun 2010 menunjukkan komitmen LHDNM yang tinggi untuk terus berinovasi dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Anugerah ini merupakan pengiktirafan kepada LHDNM yang telah menghasilkan inovasi melalui aplikasi teknologi maklumat dalam sistem operasi percukaian yang memberikan impak positif kepada pembayar cukai. Dalam tahun 2010, LHDNM telah menambah bilangan aplikasi yang ditawarkan melalui perkhidmatan elektronik kepada 12 aplikasi berbanding tujuh aplikasi yang ditawarkan pada tahun 2009.

Anugerah yang diterima akan dijadikan sebagai cabaran, bukan sahaja untuk mengekalkan prestasi cemerlang yang telah dicapai sehingga kini, tetapi untuk mendorong setiap warga Hasil terus bekerja menerusi idea-idea kreatif dan bernas. Seterusnya ia dapat menghasilkan pelbagai inovasi yang boleh membantu meningkatkan mutu perkhidmatan LHDNM ke tahap yang lebih tinggi. LHDNM juga akan sentiasa proaktif untuk menjadikan setiap cabaran yang timbul sebagai pemangkin kepada kecemerlangan organisasi.

Akhir kata, bagi pihak LHDNM, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Anggota Lembaga atas dorongan, sokongan dan nasihat yang diberikan dalam usaha untuk menjadikan LHDNM sebuah agensi yang terus dihormati dan disegani. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi terima kasih buat seluruh warga Hasil atas usaha dan komitmen yang diberikan untuk membawa LHDNM ke tahap sekarang. Terima kasih juga diucapkan kepada semua rakyat Malaysia amnya, dan pembayar cukai khasnya kerana telah melaksanakan tanggungjawab masing-masing demi "Bersama Membangun Negara" yang tercinta.

TAN SRI HASMAH BINTI ABDULLAH

PENGURUSAN ATASAN



Tan Sri Hasmah binti Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif/
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia




1 Dato' Dr. Mohd Shukor bin Hj. Mahfar
Timbalan Ketua Pengarah
(Pematuhan)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

2 Dato' Dr. Siti Mariam binti Che Ayub
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi Percukaian)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

3 Mohammad Sait bin Ahmad
Timbalan Ketua Pengarah
(Dasar)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
(mulai 1 Oktober 2010)

4 Datuk Sabin bin Samitah
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
(mulai 1 Oktober 2010)

CARTA ORGANISASI



**PRESTASI
KORPORAT**

PRESTASI
KORPORAT

Kutipan Hasil

Tahun 2010 masih merupakan tahun yang mencabar bagi LHDNM dalam memastikan keberkesanan kutipan cukai langsung negara dalam senario ekonomi yang sedang mengalami pemulihan berikutan krisis ekonomi global. Bagi mencapai sasaran kutipan yang telah ditetapkan oleh kerajaan, LHDNM memastikan program operasi percukaian sepanjang tahun 2010 dilaksanakan dengan membangunkan inisiatif-inisiatif yang cekap dan produktif bersesuaian dengan perkembangan ekonomi semasa.



LHDNM berjaya memungut cukai langsung kasar berjumlah RM86.50 bilion pada tahun 2010. Amaun ini menyumbang kepada 53.35% daripada anggaran keseluruhan Hasil Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM162.13* bilion. Walaupun jumlah kutipan adalah menurun berbanding tahun lepas, prestasi kutipan cukai langsung bagi tahun 2010 masih berjaya melepasi sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan. Kutipan cukai langsung bersih sebanyak RM79.54 bilion (selepas ditolak Tabung Bayaran Balik Cukai berjumlah RM6.96 bilion), melepasi Unjuran Disemak Kerajaan yang berjumlah RM76.16 bilion sebanyak RM3.38 bilion (4.44%).

“Dasar percukaian dalam era sistem ekonomi moden tidak lagi dilihat semata-mata sebagai alat mendapatkan sumber pendapatan kerajaan. Cukai juga dilihat sebagai satu proses

pindahan wajib sumber ekonomi daripada sektor swasta kepada sektor awam bagi mencapai beberapa objektif ekonomi dan sosial negara”



“Cukai yang dikenakan ke atas pembayar cukai berpendapatan tinggi menjadi sumber hasil kerajaan seterusnya

Keratan Akhbar
Berita Minggu
9 Mei 2010



*Sumber: Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2011.

Kutipan Hasil



Kesan daripada pemulihan ekonomi yang mencatatkan pertumbuhan positif, kebanyakan komponen utama cukai langsung mengalami peningkatan. Komponen cukai syarikat masih merupakan penyumbang utama dan terbesar kepada pungutan hasil di mana sejumlah RM43.80 bilion dikutip iaitu menyumbang sebanyak 50.64% daripada keseluruhan hasil kutipan.

Ini diikuti oleh cukai pendapatan petroleum iaitu sebanyak 21.63% daripada hasil kutipan keseluruhan. Untuk tahun 2010, kutipan komponen cukai petroleum ini mengalami penurunan sebanyak RM8.52 bilion berbanding tahun 2009. Penurunan ini disebabkan dua faktor utama iaitu penurunan harga minyak mentah serta gas asli di pasaran dunia dan juga perubahan kaedah taksiran cukai bagi syarikat hulu petroleum daripada sistem taksiran berasaskan tahun sebelum kepada sistem taksiran tahun semasa mulai tahun taksiran 2010.

Komponen utama cukai langsung ketiga pula ialah melalui kutipan cukai pendapatan individu yang menyumbang sebanyak 20.58%. Peningkatan dalam kutipan yang diperolehi ini secara tidak langsung menunjukkan peningkatan tahap pematuhan cukai di kalangan pembayar cukai dan juga keberkesanan aktiviti pemungutan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh LHDNM. Secara keseluruhan, peratus sumbangan komponen-komponen cukai terhadap jumlah kutipan cukai langsung adalah seperti di rajah sebelah.

* Lain-lain merangkumi bayaran Seksyen 124 ACP 1967, duti harta pesaka, bayaran mahkamah, faedah bank, hasil guaman, pendaftaran perniagaan (Sarawak), bayaran perkhidmatan Seksyen 138B ACP 1967 dan bayaran ketetapan awal.

PUNGUTAN CUKAI LANGSUNG MENGIKUT KOMPONEN

Kecekapan Pengurusan Cukai

Untuk tahun 2010, LHDNM berjaya mengekalkan nisbah kos kecekapan pengurusan cukai pada kadar RM1.04 bagi setiap RM100 cukai yang dikutip. Kejayaan mengekalkan kadar kos pada tahap yang rendah ini membuktikan LHDNM berjaya menjalankan aktiviti pengurusan cukai langsung negara secara berhemat dan berkesan walaupun negara masih berdepan dengan ketidakpastian krisis ekonomi global semasa.






Pematuhan Cukai

Audit Cukai

LHDNM sentiasa berusaha menjalankan fungsi yang diamanahkan dengan komitmen yang tinggi bagi memenuhi sasaran kutipan cukai langsung negara. Pelaksanaan program audit cukai yang berkesan merupakan antara faktor penting dalam menyumbang peningkatan kutipan hasil. Melalui pelaksanaan program audit cukai ini, LHDNM akan memastikan tahap pematuhan cukai sentiasa meningkat serta pembayar cukai mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan cukai semasa terutama dalam persekitaran Sistem Taksir Sendiri.

Audit cukai dijalankan melalui dua kaedah utama iaitu audit luar dan audit meja. Audit luar disusuli dengan surat pemberitahuan lawatan audit memaklumkan lawatan ke premis perniagaan pembayar cukai serta maklumat/dokumen yang perlu disediakan. Audit meja pula dijalankan di pejabat LHDNM berdasarkan maklumat-maklumat yang dikemukakan.



Pematuhan Cukai

Audit PCB

Pelaksanaan program audit Potongan Cukai Bulanan (PCB) adalah bertujuan memeriksa tahap pematuhan majikan dalam membuat dan meremitkan potongan cukai daripada saraan bulanan pekerja ke LHDNM mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994. Audit PCB dilakukan dengan membuat pemeriksaan rekod gaji pekerja di premis majikan.

Kegagalan majikan mematuhi PCB boleh disabitkan kesalahan di bawah Kaedah 17, Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994. Jika disabitkan kesalahan, denda akan dikenakan, iaitu tidak melebihi RM1,000 atau penjara untuk tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Manakala majikan yang gagal meremitkan bayaran sebelum atau pada 10 haribulan pada bulan yang berikutnya boleh dikenakan denda minima RM200 dan tidak melebihi RM2,000 atau enam bulan penjara atau kedua-duanya sekali. Bayaran PCB yang tidak dipotong akan menjadi hutang kepada kerajaan. Oleh itu, hukuman pendakwaan di mahkamah akan dikenakan bagi majikan yang tidak memotong bayaran PCB atau memotong tetapi tidak meremitkan bayaran tersebut ke LHDNM.



PENYELESAIAN AUDIT PCB

Tahun	Bilangan Majikan Diaudit	Majikan Tidak Patuh		Cukai Kurang Dipotong (RM Juta)	Kompapun (RM Juta)	Jumlah Cukai dan Kompapun (RM Juta)	Bilangan Kesalahan Didakwa Di Mahkamah
		Bilangan	%				
2010	31,821	5,783	18.17	81.99	8.10	90.09	1,572
2009	32,424	5,873	18.11	77.70	12.18	89.88	1,190

Penguatkuasaan Dan Pendakwaan

Siasatan

Untuk memastikan kutipan hasil adalah menggambarkan potensi sebenar pertumbuhan ekonomi negara, langkah penguatkuasaan dilaksanakan bagi membanteras aktiviti pelarian serta pengelakan cukai. Aktiviti siasatan dilaksanakan secara menyeluruh dengan memberi keutamaan terhadap kes berprofil tinggi dalam usaha meningkatkan pematuhan secara sukarela. Kaedah siasatan terbahagi kepada dua iaitu Siasatan Sivil dan Siasatan Jenayah.

Siasatan Sivil dilaksanakan untuk menangani aktiviti pengelakan cukai secara sengaja dan cuai dalam melaporkan pendapatan bercukai. Penyelesaian cukai tertinggal adalah secara persetujuan. Penyelesaian bagi kes Siasatan Sivil adalah seperti rajah di sebelah.

Manakala Siasatan Jenayah dilaksanakan untuk mengesan dan menyiasat kegiatan pelarian cukai dengan sengaja dan seterusnya mengambil tindakan pendakwaan di mahkamah. Tindakan pendakwaan di mahkamah ini diambil ke atas pembayar cukai yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 113(1), Seksyen 114(1) dan Seksyen 120 Akta Cukai Pendapatan 1967. Denda dan hukuman yang akan dikenakan adalah bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen-seksyen tersebut. Sepanjang tahun 2010, sebanyak 10 kertas siasatan telah diselesaikan manakala 30 kes lagi masih dalam siasatan.

Bagi mewujudkan sistem kawalan yang munasabah dan menjamin objektif dicapai dengan tahap risiko boleh diterima, Pengurusan Risiko diwujudkan bagi memantap program penguatkuasaan dan aktiviti teras yang lain. Pengurusan Risiko adalah sebahagian daripada tadbir urus korporat yang memastikan pengurangan pembaziran sumber dana, amalan ketelusan, akauntabiliti dan integriti terpelihara. Di antara fungsi Pengurusan Risiko ini termasuklah mengawasi, memantau dan menyemak prinsip, dasar, strategi dan prosedur kawalan yang dilaksanakan.



Penguatkuasaan Dan Pendakwaan



Tindakan Larangan Meninggalkan Negara

Penguatkuasaan bagi larangan meninggalkan negara (Seksyen 104, Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Seksyen 22, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976) akan diambil ke atas pembayar cukai yang gagal menjelaskan tanggungan cukai pendapatan dan cukai keuntungan harta tanah serta dipercayai akan keluar atau meninggalkan negara.

Dalam tahun 2010, seramai 4,443 pembayar cukai bagi kategori cukai pendapatan dan 330 pembayar cukai bagi kategori cukai keuntungan harta tanah telah dikenakan tindakan penguatkuasaan larangan tersebut. Ia melibatkan amaun tunggakan cukai sebanyak RM205.29 juta dan RM562.82 juta masing-masing. Manakala sebanyak 613 kes cukai pendapatan dan empat kes cukai keuntungan harta tanah telah ditarik balik sepanjang tahun 2010 disebabkan pembayar cukai telah menjelaskan tanggungan cukai dan melibatkan amaun sebanyak RM14.49 juta dan RM0.03 juta masing-masing.

Tindakan Guaman Sivil

Tindakan guaman sivil di bawah Seksyen 106 Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Seksyen 23 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 akan diambil terhadap pembayar cukai yang gagal menyelesaikan tanggungan cukai dalam tempoh yang ditetapkan. Tindakan guaman sivil ini dimulakan dengan memfailkan saman serta pernyataan tuntutan di mahkamah yang berkenaan bergantung kepada amaun tanggungan cukai bagi setiap kes. Tindakan guaman sivil akan dikendalikan di mahkamah sehingga penghakiman diperoleh terhadap pembayar cukai.

Dalam tahun 2010, LHDNM telah memfailkan 14,363 saman sivil ke mahkamah. Jumlah saman ini adalah melibatkan 12,192 kes individu dan 2,171 kes syarikat dengan tanggungan cukai berjumlah RM274.29 juta dan RM1,198.40 juta masing-masing.

Setelah penghakiman diperoleh, tindakan menguatkuasa dan melaksanakan penghakiman seperti berikut akan diambil:

- Tindakan writ saman penyitaan dan penjualan, saman penghutang atau kebangkrapan bagi pembayar cukai individu; dan
- Tindakan penggulungan bagi pembayar cukai syarikat.

Bagi kes yang telah mendapat perintah kebangkrapan atau penggulungan, bukti hutang akan didaftarkan di Jabatan Insolvency Malaysia.

TINDAKAN LARANGAN MENINGGALKAN NEGARA

Jenis Cukai	Bilangan Kes Berkuat Kuasa (Tahun 2009 dan Sebelum)	Jumlah Cukai Yang Terlibat (RM Juta)	Bilangan Kes Berkuat Kuasa (Januari – Disember 2010)	Jumlah Cukai Yang Terlibat (RM Juta)	Bilangan Kes Berkuat Kuasa (Sehingga 2010*)	Jumlah Cukai Yang Terlibat (RM Juta)
Cukai Pendapatan	62,290	1,832.01	4,443	205.29	49,340	1,600.88
Cukai Keuntungan Harta Tanah	9,102	191.57	330	562.82	7,432	160.67
Jumlah	71,392	2,023.58	4,773	768.11	56,772	1,761.55

* Bilangan kes berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2010 (termasuk kes sebelum tahun 2010).

Pungutan

Sepanjang tahun 2010, LHDNM memberi penekanan yang serius kepada program pungutan yang dijalankan bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan dalam kutipan cukai. Penekanan kepada program pungutan adalah menfokuskan kepada aktiviti teras seperti berikut:


- Memungut anggaran cukai melalui Potongan Cukai Bulanan dan Skim Bayaran Ansuran;
- Mengurangkan tunggakan hasil (Akaun Belum Terima) sebanyak 45% pada hujung tahun 2010; dan
- Memastikan bayaran balik diproses mengikut tempoh seperti yang dinyatakan dalam Piagam Pelanggan LHDNM.

Potongan Cukai Bulanan

Pembayar cukai individu yang berpendapatan penggajian membuat bayaran cukai melalui Potongan Cukai Bulanan (PCB) yang dipotong oleh majikan masing-masing daripada saraan bulanan pekerja. Potongan ini dibuat mengikut Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994, bertujuan untuk mengurangkan beban pekerja membayar cukai sekaligus

apabila cukai dikira semasa mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan. Untuk tahun 2010, penentuan amaun PCB adalah berdasarkan kepada dua kaedah iaitu Jadual PCB dan Kaedah Pengiraan Komputer. Bagi majikan yang menentukan amaun PCB menggunakan Kaedah Pengiraan Berkomputer, pekerja boleh membuat tuntutan potongan dan rebat yang dibenarkan di bawah akta pada setiap bulan atau mana-mana bulan dikehendaki dalam tahun semasa. Manakala bagi majikan yang menggunakan Jadual PCB, mereka dikehendaki menggunakan sistem atau aplikasi yang dibangunkan oleh LHDNM sekiranya terdapat pekerja yang ingin membuat potongan dan rebat yang dibenarkan.

Dalam tahun 2010, pungutan melalui PCB adalah sebanyak RM11,019.29 juta dan ia telah menyumbang kepada 12.74% daripada pungutan cukai langsung. Peningkatan dalam pungutan PCB turut disokong melalui penganjuran taklimat dan pendidikan cukai yang berterusan kepada majikan serta penggunaan kemudahan e-PCB, e-Data PCB dan kalkulator PCB. Selain itu, LHDNM turut memperluaskan kemudahan membuat pembayaran PCB kepada majikan melalui perbankan elektronik dan melalui kaunter bank yang dilantik sebagai ejen penerimaan.



PUNGUTAN PCB MENGIKUT KAEDAH PEMBAYARAN

Kaedah Pembayaran	2010 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Kaunter Bayaran LHDNM		
Jumlah	9,830.89	9,157.66
Kaunter Bank		
CIMB Bank Berhad	323.89	273.88
Public Bank Berhad	498.15	402.86
Jumlah	822.04	676.74
Perbankan Internet		
CIMB Bank Berhad	177.93	76.11
Public Bank Berhad	120.01	88.04
RHB Bank Berhad	45.69	22.48
Alliance Bank Berhad	1.90	0.28
Maybank Berhad	19.45	1.51
EON Bank Berhad	0.65	-
OCBC Bank Berhad	0.13	-
e-PCB & e-Data PCB	0.60	-
Jumlah	366.36	188.42
Jumlah Besar	11,019.29	10,022.82

Pungutan

Pungutan Cukai Melalui Skim Bayaran Ansuran

Terdapat dua kategori bagi pungutan cukai melalui bayaran ansuran di bawah Seksyen 107B dan Seksyen 107C Akta Cukai Pendapatan 1967:

- Pembayar cukai kategori individu yang berpendapatan perniagaan:
 - Kutipan cukai adalah secara ansuran dwi-bulanan menerusi notis bayaran ansuran (Borang CP500) yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri;
 - Jadual ansuran bermula bulan Mac sehingga Januari tahun berikutnya; dan
 - Permohonan pindaan (Borang CP502) boleh dibuat sebelum 30 Jun tahun berkenaan.
- Pembayar cukai kategori syarikat, koperasi, badan amanah dan amanah unit/harta:
 - Kutipan cukai adalah secara ansuran bulanan berdasarkan anggaran cukai (Borang CP204) yang dikemukakan oleh pembayar cukai pada atau sebelum tarikh akhir dibenarkan mengikut tempoh asas perakaunan pembayar cukai;
 - Notis Anggaran Cukai Kena Dibayar (Borang CP205) akan dikeluarkan bagi pembayar cukai yang gagal mengemukakan Borang CP204;
 - Jadual ansuran bermula dari bulan kedua tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran; dan
 - Permohonan pindaan (Borang CP204A) boleh dibuat pada bulan keenam atau kesembilan tempoh perakaunan atau pada kedua-dua bulan tersebut.

Kegagalan mematuhi jadual pembayaran ansuran bagi kedua-dua kategori pembayar cukai di atas akan menyebabkan kenaikan cukai sebanyak 10% ke atas baki ansuran yang tidak dibayar.

BAYARAN CUKAI PENDAPATAN

Bayaran Ansuran Individu

SELAIN PENGGAJIAN (CP500)	PENGGAJIAN (PCB)
- 6 ansuran dikeluarkan oleh LHDNM - Bayar mulai Mac - Setiap ansuran bayar dalam masa 30 hari - Mohon pindaan sebelum 30 Jun (jika perlu)	- Majikan potong gaji pekerja ikut Kaedah PCB - Bayar sebelum/pada 10 hb (CP 39)

Bayaran Ansuran Syarikat (Anggaran dibuat oleh Syarikat)

	SYARIKAT BARU	SYARIKAT SEDIA ADA	BORANG
Hantar anggaran	Dalam masa 3 bulan pertama operasi	30 hari sebelum mula tempoh asas	CP204
Mula bayar	Bulan keenam tempoh asas	Bulan kedua tempoh asas	
Tarikh bayaran	Sebelum/pada 10 hb		CP207
Pinda anggaran	Bulan keenam atau kesembilan tempoh asas		CP204A

Borang Yang Perlu Digunakan

JENIS BAYARAN	BORANG DIGUNAKAN	
	KAUNTER	BANK
Cukai Pendapatan/CKHT Skim Ansuran (Syarikat) Skim Ansuran (Individu) Potongan Cukai Bulanan (PCB)	CP157 CP207 CP501 CP39 atau Disket	} Slip bank } Slip khas Disket

Butiran Yang Perlu Semasa Membayar Cukai

• No. Fail Cukai Pendapatan	• Nama dan No. Kad Pengenalan
• Alamat	• Tahun Taksiran
• No. Jadual Skim Bayaran Ansuran	• Kod Bayaran
• Nombor Ansuran	• Jumlah bayaran

Nota: Simpan resit dan slip bank untuk rujukan

www.hasil.gov.my
1-300-88-3010

ANGGARAN CUKAI SYARIKAT (BORANG CP204) DAN BAYARAN ANSURAN INDIVIDU (BORANG CP500)

	2010	2009
Bilangan Borang CP204 Diterima	279,639	276,758
Anggaran Cukai Borang CP204* (RM Juta)	35,304.57	36,731.89
Bilangan Borang CP500 Dikeluarkan	288,545	270,729
Bayaran Ansuran Borang CP500** (RM Juta)	2,002.66	1,563.74

* Anggaran cukai yang dinyatakan dalam CP204 (bagi kategori syarikat, koperasi dan badan amanah) adalah sebelum apa-apa pindaan dan bayaran dibuat.

** Bayaran ansuran CP500 (bagi kategori selain syarikat) adalah sebelum apa-apa pindaan dan bayaran dibuat.

Pembayaran Balik

Salah satu penanda aras kejayaan pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri ialah kecekapan dalam memproses bayaran balik cukai terlebih bayar kepada pembayar cukai. Keutamaan diberi kepada kes bayaran balik cukai tahun semasa di samping menyelesaikan baki tuntutan bayaran balik untuk tahun kebelakangan. Penekanan kepada aktiviti bayaran balik mengikut tempoh yang ditetapkan ini adalah selaras dengan ketetapan seperti yang dinyatakan dalam Piagam Pelanggan LHDNM.

Mengikut Piagam Pelanggan, kes bayaran balik akan diproses dalam tempoh seperti berikut dengan syarat Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) yang diterima adalah lengkap dan teratur:

- 30 hari bekerja dari tarikh BNCP diterima jika BNCP diterima secara e-Filing; dan
- 90 hari bekerja dari tarikh BNCP diterima jika BNCP diterima secara manual.

Dalam tahun 2010, LHDNM berjaya mengeluarkan 891,763 baucer bayaran balik yang melibatkan RM6,934.72 juta. Jumlah ini merangkumi tuntutan bayaran balik bagi kes individu dan syarikat.

Sebagai langkah penambahbaikan dan inovasi dalam proses kerja pembayaran balik, *Electronic Fund Transfer (EFT)* telah dilaksanakan mulai 1 Januari 2010. Amaun pembayaran balik akan dimasukkan terus ke akaun bank pembayar cukai yang mengemukakan nombor akaun mereka. Dengan pelaksanaan EFT ini, proses pembayaran balik dapat dipercepatkan dan menghapuskan penggunaan cek sebagai medium pembayaran. Selain itu, EFT juga dapat mengurangkan masalah yang timbul seperti cek tidak diterima oleh pembayar cukai, kes-kes penipuan melibatkan cek dan juga cek tamat tempoh.

PRESTASI PEMBAYARAN BALIK LEBIHAN BAYARAN

		2010	2009
Selain Syarikat	Bilangan Kes	866,940	629,220
	Amaun (RM Juta)	1,651.23	1,617.70
Syarikat	Bilangan Kes	24,823	21,138
	Amaun (RM Juta)	5,283.49	5,743.05



Pengurusan Tunggakan Hasil

Sebagai agensi pemungut cukai utama kepada kerajaan, LHDNM bertanggungjawab memastikan tanggungan cukai yang perlu dibayar kepada kerajaan dapat dikutip dengan cekap dan berkesan bagi mengelakkan berlakunya tunggakan hasil. Pengurusan tunggakan hasil sentiasa diutamakan dan dipertingkatkan bagi mengurangkan amaun tunggakan ke tahap yang minimum bagi kes tahun semasa di samping mengelakkan kewujudan tunggakan baru.

Sehingga 31 Disember 2010, sebanyak 801,287 kes tunggakan cukai berjaya diselesaikan. Pencapaian bagi tindakan pengurangan kes tunggakan cukai ini telah mengurangkan baki Akaun Belum Terima sebanyak 50.98% dan melibatkan amaun sebanyak RM5.64 bilion.


Pungutan

Pungutan Cukai Pegangan

Pungutan cukai bagi beberapa jenis bayaran yang diterima oleh penerima bukan pemastautin daripada pembayar yang bermastautin di Malaysia, dilaksanakan melalui kaedah cukai pegangan. Pungutan cukai pegangan dilaksanakan ke atas jenis-jenis pendapatan di bawah peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut:

- Seksyen 107A (bayaran kontrak);
- Seksyen 109/109B (faedah, royalti, bayaran perkhidmatan atau yuran, sewa, dan bayaran lain);
- Seksyen 109C (faedah [kecuali faedah yang dikecualikan] dibayar oleh institusi kewangan yang diluluskan); dan
- Seksyen 109D (pengagihan pendapatan daripada Unit Amanah).

Dalam tahun 2010, sejumlah RM1,268.37 juta telah dipungut melalui mekanisme ini.




Call-Out Centre

Panggilan menerusi *Call-Out Centre* berperanan menghubungi pembayar cukai yang mempunyai hutang cukai yang belum dijelaskan. Tujuan panggilan *Call-Out Centre* adalah:

- Mengingatkan pembayar cukai tentang hutang cukai yang belum dijelaskan;
- Memaklumkan tindakan penguatkuasaan yang bakal diambil sekiranya bayaran masih gagal dijelaskan; dan
- Membantu pembayar cukai yang menghadapi masalah aliran tunai dengan menjadualkan semula pembayaran ansuran mengikut keupayaan kewangan mereka.

Dalam tahun 2010, sebanyak 11,645 panggilan yang melibatkan amaun tunggakan cukai berjumlah RM72.89 juta telah dibuat. Sebanyak RM34.26 juta pula berjaya dikutip daripada amaun tunggakan tersebut.



Perkhidmatan Pelanggan

LHDNM sentiasa memberi keutamaan kepada program peningkatan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan yang diberikan. Perkhidmatan pelanggan yang disediakan oleh LHDNM membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat percukaian dengan mudah dan cepat melalui program-program yang dirancang khas serta melalui penyediaan pelbagai kemudahan lain untuk pembayar cukai.

Pusat Khidmat Pelanggan


Pusat Khidmat Pelanggan (PKP) ditubuhkan bagi memberi perkhidmatan percukaian khususnya menerusi telefon dan e-mel. Pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM dengan mudah melalui talian bebas tol **1-300-88-3010**. LHDNM mempunyai dua lokasi PKP iaitu di Pandan Indah, Kuala Lumpur dan Kuching, Sarawak. Panggilan-panggilan yang diterima akan diagihkan secara automatik ke PKP Pandan Indah atau PKP Kuching untuk dikendalikan.

Pusat Khidmat Hasil

Pusat Khidmat Hasil (PKH) ditubuhkan bagi meluaskan perkhidmatan penyeteman ke daerah yang kecil dan seterusnya mengambil alih tugas penyeteman daripada Pejabat Daerah. Antara perkhidmatan yang ditawarkan di PKH ialah:

- Taksiran dan pembayaran duti setem;
- Pengendorsan surat cara pindah milik, pinjaman dan lain-lain; dan
- Khidmat nasihat percukaian.

Penubuhan PKH telah berjaya memudahkan urusan berhubung duti setem dan ia telah menyumbang kepada peningkatan kutipan duti setiap tahun. Sehingga 31 Disember 2010, LHDNM telah mempunyai sebanyak 14 buah PKH yang beroperasi di seluruh negara.



KUTIPAN DUTI SETEM DI PUSAT KHIDMAT HASIL


PKH	2010 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Manjung	19.83	15.74
Hulu Langat	61.38	52.10
Batu Pahat	32.61	23.32
Kudat	0.57	0.22
Lahad Datu	0.24	0.86
Mukah	0.13	0.18
Limbang	1.58	1.76
Kemaman	7.15	6.35
Bentong	23.81	7.09
Sri Aman	1.27	1.09
Tampin	3.53	3.47
Kuala Pilah	2.15	1.70
Segamat	15.86	14.11
Tanah Merah	2.39	1.62
Jumlah	172.50	129.61

Perkhidmatan Pelanggan

Kaunter Bayaran

Bayaran cukai hanya boleh dilakukan di kaunter bayaran LHDNM yang terdapat di tiga pusat kutipan cukai iaitu di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur, Cawangan Kuching di Sarawak dan Cawangan Kota Kinabalu di Sabah. Kaunter bayaran LHDNM menerima bayaran cukai berbentuk tunai, cek, bank draf atau kiriman wang pos. Pengiriman bayaran cukai melalui pos juga boleh dikemukakan ke cawangan berkenaan.

Selain daripada itu, urusan pembayaran cukai juga boleh dibuat melalui semua kaunter CIMB Bank Berhad, Public Bank Berhad, EON Bank Berhad dan Maybank Berhad yang telah dilantik sebagai ejen penerima bayaran cukai. Prestasi pembayaran cukai untuk tahun 2010 adalah seperti rajah.



Kaunter Setempat

Perkhidmatan kaunter setempat dikendalikan oleh Unit Khidmat Pelanggan di semua cawangan LHDNM bagi membolehkan pembayar cukai mengendalikan semua urusan percukaian di satu lokasi dalam persekitaran yang lebih selesa, mesra dan cepat. Dalam usaha penambahbaikan perkhidmatan kaunter ini, pembayar cukai diberi peluang menyuarakan sebarang pandangan dan aduan melalui Peti Maklum Balas Perkhidmatan yang ditempatkan di semua kaunter LHDNM dan Peti Aduan/Cadangan yang ditempatkan di kaunter utama LHDNM. Aduan juga boleh dibuat secara interaktif dengan menggunakan Borang Interaktif melalui Laman Web LHDNM.

Perkhidmatan Pelanggan


Kaunter Perkhidmatan di Pameran/Ekspo

Kaunter perkhidmatan LHDNM dibuka bagi mempromosi penggunaan perkhidmatan elektronik LHDNM semasa berlangsungnya beberapa ekspo perdagangan, pameran dan acara keramaian yang dianjurkan oleh kerajaan, badan berkanun, syarikat swasta, majlis perbandaran serta Institusi Pengajian Tinggi. Antara ekspo yang telah disertai sepanjang tahun 2010 ialah Kaunter Promosi Kerajaan Elektronik (EG) anjuran Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan *Multimedia Development Corporation* (MDeC), Kaunter Sempena Pelancaran MyID dan MyCoID, Kaunter Sempena Minggu Kesedaran Kewangan, Karnival Inovasi Islam, Karnival Jalur Lebar, Program Malaysia Inovatif, Majlis Konvokesyen Institut Pengajian Tinggi dan sebagainya.



Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai

Program Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai (BPPC) 2010 diadakan bagi memberi bimbingan kepada pembayar cukai berhubung penggunaan e-Filing dan perkhidmatan elektronik LHDNM, kemudahan semakan profil dan kedudukan lejar serta lain-lain khidmat nasihat percukaian. Program BPPC 2010 diadakan dari tempoh 1 April hingga 30 April dan 1 Jun hingga 30 Jun 2010. Program ini dijalankan di semua kaunter perkhidmatan LHDNM seluruh negara dan ia juga dikendalikan di luar pejabat LHDNM seperti di premis pejabat kerajaan, pejabat swasta dan dewan orang ramai melalui permohonan kepada LHDNM.



Program Pendidikan Cukai

Program pendidikan cukai secara berterusan dirangka untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada pelanggan LHDNM iaitu pembayar cukai individu, syarikat, ejen cukai, majikan dan bakal pembayar cukai terhadap undang-undang percukaian. Di samping mendidik, ia juga bertujuan memaklum dan mengemaskini pelanggan tentang hak dan tanggungjawab mereka sebagai pembayar cukai supaya kadar pematuhan cukai secara sukarela dapat dipertingkatkan.



Taklimat, Bengkel dan Ceramah Percukaian

Di bawah Sistem Taksir Sendiri, pembayar cukai akan mengira sendiri tanggungan cukai mereka. Bagi meminimumkan kesilapan pengiraan cukai pendapatan yang dibuat dan menggalakkan penggunaan perkhidmatan elektronik LHDNM, pendidikan cukai disampaikan melalui taklimat, bengkel dan ceramah percukaian. Program ini diadakan secara percuma di semua cawangan LHDNM dan premis pelanggan oleh pegawai-pegawai LHDNM yang profesional dan berpengalaman. Taklimat yang diadakan adalah menjurus kepada penggunaan aplikasi perkhidmatan elektronik iaitu Taklimat STS/e-Filing, e-PCB, e-Data PCB, e-Daftar serta perkhidmatan elektronik lain. Manakala Taklimat Bajet pula disampaikan kepada pembayar cukai, majikan dan orang awam mengikut keperluan.



Khidmat Sokongan Peniaga

Bengkel Khidmat Sokongan Peniaga menawarkan program khidmat nasihat kepada golongan peniaga kecil dan sederhana yang tidak diwakili oleh ejen cukai. Ianya meliputi pendidikan berkaitan kaedah penyimpanan rekod perniagaan, penyediaan akaun ringkas perniagaan dan pengiraan serta pembayaran cukai. Program ini telah diperluaskan kepada perkhidmatan kaunter melalui usahasama dengan agensi luar serta persatuan.



Program Pendidikan Cukai

Pegawai Perhubungan Cukai

Program pelantikan Pegawai Perhubungan Cukai di kalangan majikan, kerajaan, swasta dan persatuan yang mempunyai bilangan pekerja yang ramai berfungsi sebagai orang perantara/penghubung kepada pekerja-pekerja dalam menyalurkan maklumat, melaksanakan tugas sebagai pembayar cukai serta meningkatkan pemahaman cukai. Pegawai Perhubungan Cukai yang dilantik oleh Ketua Majikan adalah daripada kalangan Eksekutif Sumber Manusia, Pegawai Perhubungan Awam atau Pegawai Latihan yang boleh dirujuk dengan mudah oleh pekerja lain. Sepanjang tahun 2010, seramai 1,467 orang Pegawai Perhubungan Cukai telah dilantik dan dilatih oleh LHDNM.

Seminar Percukaian/Seminar Bajet

Seminar percukaian merupakan aktiviti tahunan yang dianjurkan bagi memberi informasi terkini berhubung perubahan undang-undang percukaian. Penyertaan adalah terbuka kepada pengamal percukaian, pemilik syarikat, badan profesional, majikan dan orang awam. Dalam tahun 2010, LHDNM telah mengadakan seminar percukaian kebangsaan di 22 lokasi terpilih di seluruh negara. Selain itu, LHDNM juga menganjurkan seminar bajet kepada pegawai-pegawai LHDNM sebaik sahaja Bajet Tahunan 2011 dibentangkan oleh Menteri Kewangan Malaysia di Parlimen.

Program Lawatan ke LHDNM

Program lawatan ke Ibu Pejabat dan cawangan LHDNM oleh penuntut Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan agensi luar seluruh Malaysia merupakan satu lagi aktiviti pendidikan cukai yang dikendalikan sepanjang tahun. Pengisian program pendidikan cukai semasa lawatan ini adalah berbentuk ceramah pengenalan LHDNM serta kesedaran cukai, taklimat kerjaya di LHDNM dan lawatan ke kaunter-kaunter perkhidmatan LHDNM. Aktiviti tambahan mengikut kesesuaian seperti kuiz Hasil juga diadakan khusus untuk bakal-bakal pembayar cukai daripada IPT bagi memberi impak kepada informasi taklimat kesedaran cukai yang telah disampaikan.



Program Pendidikan Cukai

Tele Info LHDNM

Perkhidmatan talian Tele Info LHDNM merupakan kemudahan tambahan kepada pembayar cukai mendapatkan maklumat percukaian. Nombor talian untuk perkhidmatan ini ialah **03-4289 3636** yang beroperasi 24 jam sehari. Lebih 600 maklumat cukai disediakan dalam dwi-bahasa (Bahasa Malaysia/Inggeris) dalam bentuk rakaman suara (audio). Pengguna juga boleh membuat pilihan untuk mendapatkan salinan maklumat yang diinginkan melalui kemudahan faks. Setiap panggilan akan dicaj pada kadar biasa manakala perkhidmatan faks disediakan secara percuma untuk pengguna faks di Malaysia sahaja.

PERKHIDMATAN TELE INFO

Kategori	2010	2009
Panggilan Tele Info Diterima	72,186	34,549
Pemanggil Tahu Kod Info	9,501	1,207
Pemanggil Tidak Tahu Kod Info	56,127	19,151
Bilangan Pemanggil Melalui Faks (Tahu Kod Info)	488	701
Bilangan Pemanggil Melalui Faks (Tidak Tahu Kod Info)	22,797	7,161

Hebahan dan Publisiti Menerusi Media

Program hebahan dan publisiti menerusi media memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan tahap kesedaran dan menghebahkan maklumat percukaian kepada orang awam. LHDNM sentiasa berusaha melaksanakan aktiviti-aktiviti kesedaran cukai dan berjaya mendapatkan slot-slot rancangan televisyen, radio dan akhbar-akhbar tempatan secara percuma atau pada kadar bayaran yang paling minimum sepanjang tahun 2010.

Peranan dan kerjasama yang dimainkan oleh media cetak dan media komunikasi telah banyak membantu LHDNM mempromosi kempen penghantaran Borang Nyata Cukai Pendapatan, kempen menggalakkan penggunaan perkhidmatan elektronik LHDNM serta lain-lain info percukaian. Melalui aktiviti publisiti yang dijalankan secara tidak langsung ia dapat meningkatkan imej perkhidmatan LHDNM.



Program Pendidikan Cukai

Maklumat Percukaian Melalui Internet

LHDNM juga menyebarkan maklumat percukaian melalui laman web rasmi **www.hasil.gov.my**. Perkhidmatan laman web ini telah dipertingkatkan dengan pengenalan laman web baharu yang dibangunkan secara *in-house* pada 1 Oktober 2010. Ianya dilengkapi dengan ciri-ciri interaktif dan lebih mesra pengguna. LHDNM turut menambah baik Sistem Aduan Internet bagi memudahkan pembayar cukai mengemukakan aduan. Untuk tahun 2010, sebanyak 12 perkhidmatan elektronik ditawarkan menerusi laman web ini berbanding hanya tujuh pada tahun 2009. LHDNM turut memperkenalkan blog rasmi iaitu **http://blog.hasil.gov.my** yang mula beroperasi pada 1 Mei 2010. Pengenalan blog ini bertujuan memberi nilai tambah kepada perkhidmatan laman web sedia ada disamping mendekati pembayar cukai melalui media sosial.



PENGUNJUNG LAMAN WEB LHDNM

Pengunjung	2010	2009
Jumlah	4,834,085	3,587,573

Penerbitan LHDNM

Dalam tahun 2010, LHDNM menerbitkan 13 risalah percukaian dalam format yang lebih ringkas dan mudah. Risalah percukaian diedarkan kepada orang ramai melalui kaunter perkhidmatan di seluruh cawangan LHDNM. Selain itu, LHDNM juga menerbitkan Berita HASiL iaitu majalah rasmi LHDNM untuk edaran dalaman dan agensi luar. Ia dikeluarkan sebanyak tiga kali setahun dan memuatkan aktiviti-aktiviti LHDNM sepanjang tahun. Berita Hasil ini juga boleh dicapai dan dimuat turun daripada laman web LHDNM.

Selain itu, LHDNM turut menerbitkan Video TV Hasil 2010 pada bulan April 2010. Video ini merupakan projek *in-house* bagi aktiviti pendidikan dan kesedaran cukai untuk ditayangkan di semua kaunter perkhidmatan LHDNM. Kandungan video padat dengan informasi yang komprehensif melalui gabungan maklumat berhubung perkhidmatan elektronik LHDNM, perkhidmatan kaunter, info cukai, budaya korporat LHDNM dan konsep 1Malaysia.



Perkhidmatan Elektronik


Sehingga kini, LHDNM telah melakukan pelbagai inovasi dalam sistem pentadbiran percukaian termasuk dalam penggunaan teknologi maklumat bagi memacu peningkatan mutu sistem penyampaian perkhidmatan sesuai dengan perkembangan dan pembangunan negara. Komitmen LHDNM dalam melakukan inovasi dan penambahbaikan melalui rangkaian perkhidmatan elektronik yang ditawarkan kepada pelanggan dan masyarakat dapat menjana peningkatan kutipan hasil, penjimatan kos operasi serta menyokong agenda Kerajaan Elektronik.

e-Filing

Aplikasi e-Filing dibangunkan bagi memudahkan pembayar cukai mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan secara elektronik. Aplikasi ini dikawal selia oleh ciri-ciri keselamatan berlandaskan Prasarana Kekunci Awam (*Public Key Infrastructure*). LHDNM sentiasa memperkemas dan melakukan penambahbaikan terhadap aplikasi e-Filing supaya pembayar cukai boleh menyelesaikan proses pengisian dan penghantaran borang dengan mudah, selamat dan mengambil masa yang lebih singkat.

e-Filing Ejen Cukai

e-Filing Ejen Cukai merupakan aplikasi pengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan oleh ejen cukai bagi pihak pelanggan mereka secara elektronik. Ejen cukai perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pelanggan mereka terlebih dahulu dengan mengisi Borang Kuasa Pemfailan Penyata Secara Elektronik (Borang CP55).



Perkhidmatan Elektronik





Pelaksanaan STAMPS berjaya mendorong peningkatan dalam amaun pungutan duti iaitu melibatkan peningkatan sebanyak 133.54% berbanding tahun lepas. Prestasi transaksi taksiran melalui STAMPS dan STPH bagi surat cara pindah milik harta tanah adalah seperti rajah.

e-Bayaran

LHDNM menyediakan kemudahan untuk melakukan pembayaran cukai melalui internet dengan menggunakan khidmat perbankan elektronik. Khidmat perbankan elektronik ini boleh didapati melalui ejen penerima bayaran cukai yang dilantik iaitu CIMB Bank Berhad, Public Bank Berhad, Maybank Berhad, Alliance Bank Berhad, EON Bank Berhad, Citibank Berhad, RHB Bank Berhad, OCBC Bank Berhad dan Pos Malaysia Berhad. Kaedah pembayaran cukai secara elektronik yang telah dilaksanakan adalah pembayaran cukai pendapatan dan cukai keuntungan harta tanah, kemudahan pembayaran Potongan Cukai Bulanan untuk majikan serta bayaran cukai melalui *Financial Process Exchange* (FPX).

STAMPS

STAMPS (*Stamp Assessment and Payment System*) merupakan satu sistem baru yang dibangunkan sebagai penambahbaikan kepada Sistem Taksiran Pindah Milik Harta Tanah (STPH). STAMPS melibatkan pemodenan proses penyeteman surat cara dalam talian yang merupakan alternatif kepada kaedah penyeteman sedia ada di mana sijil setem dijana dan boleh dicetak oleh pengguna. Buat masa ini STAMPS digunakan untuk memproses surat cara pindah milik harta tanah dan akan diperluaskan kepada semua jenis surat cara pada masa akan datang.



Perkhidmatan Elektronik

e-Daftar

e-Daftar merupakan satu lagi inovasi perkhidmatan elektronik LHDNM yang diperkenalkan bagi membolehkan pembayar cukai individu, syarikat dan majikan mendaftar fail cukai pendapatan mereka secara *online* melalui internet. Jumlah pembayar cukai yang telah mendaftar fail melalui e-Daftar seperti rajah di sebelah.

SMS e-Hubung


Aplikasi ini merupakan kemudahan SMS berkelompok bagi semua jabatan dan agensi kerajaan yang diuruskan oleh MAMPU. Sebagai permulaan, LHDNM terlibat dengan pemberian perkhidmatan *Information on Demand* (IOD) iaitu pembayar cukai boleh mendapatkan maklumat berkaitan alamat, nombor telefon dan nombor faks semua Cawangan dan Pusat Khidmat Hasil dengan menghantar SMS ke nombor **15888**.

Perkhidmatan SMS e-Hubung kini telah diperluaskan kepada perkhidmatan semakan amaun PCB yang telah diremitkan ke LHDNM. Bayaran sebanyak RM0.35 akan dikenakan bagi setiap SMS.

e-PCB

e-PCB adalah sistem Potongan Cukai Bulanan (PCB) yang disediakan bagi membantu majikan untuk menyimpan maklumat pekerja dan mengemukakan data bayaran PCB secara dalam talian kepada LHDNM. Aplikasi ini dibangunkan khusus kepada majikan yang tidak mempunyai sistem penggajian berkomputer bagi mengira PCB dan membuat semakan maklumat PCB atau arahan tambahan potongan gaji (CP38) yang dibayar. Aplikasi ini mula dimuat naik di laman web LHDNM secara rasmi pada 15 Januari 2010 dan kemudahan ini hanya bagi majikan yang berdaftar dengan LHDNM sahaja.

Pengguna e-PCB boleh memilih sama ada membuat bayaran melalui internet (menggunakan perkhidmatan bank yang menjadi ahli FPX) atau di kaunter bayaran LHDNM. Sepanjang tahun 2010, seramai 2,052 majikan telah menggunakan aplikasi ini.



e-Data PCB

e-Data PCB pula merupakan sistem Data PCB yang dibangunkan bagi membantu majikan yang mempunyai sistem penggajian berkomputer untuk semakan format dan memuat naik fail teks CP39 dan seterusnya menghantar data PCB/CP38 secara dalam talian. Aplikasi ini membantu majikan membuat semakan data PCB pekerja supaya ia mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Pengguna perlu mendaftar terlebih dahulu dengan LHDNM sebelum menggunakan aplikasi ini. Bayaran PCB/CP38 boleh dibuat melalui internet (menggunakan perkhidmatan bank yang menjadi ahli FPX) atau di kaunter bayaran LHDNM.

Seramai 1,722 majikan telah menggunakan e-Data PCB sejak ia mula diperkenalkan pada 15 Januari 2010. Dalam usaha meningkatkan penggunaan aplikasi e-Data PCB dan e-PCB di kalangan majikan, program latihan secara praktikal (*hands-on*) disediakan dengan percuma di semua cawangan LHDNM.

e-Kemaskini

e-Kemaskini dibangunkan bagi mengemaskinkan maklumat seperti nombor telefon, alamat surat menyurat, alamat kediaman, alamat premis perniagaan (jika ada) dan alamat e-mel. Pengguna dikehendaki menggunakan kata laluan sijil digital e-Filing untuk mengakses aplikasi ini. Sepanjang tahun 2010, seramai 7,075 pengguna telah menggunakan aplikasi ini.

Perkhidmatan Elektronik

Kalkulator PCB

Kalkulator PCB ialah sistem sokongan untuk membantu pekerja dan majikan mengira PCB. Kaedah ini dapat membantu pengiraan PCB dengan lebih tepat, jika pekerja atau majikan menuntut potongan atau rebat cukai yang dibenarkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Aplikasi ini lebih mudah digunakan dan menjimatkan masa untuk mengira PCB berbanding dengan pengiraan secara manual dan amaun PCB akan sama atau hampir sama dengan cukai sebenar.

e-Lejar

Aplikasi e-Lejar mula diperkenalkan kepada umum pada 1 November 2010. Ia merupakan kemudahan yang disediakan kepada pembayar cukai bagi menyemak butiran peribadi, transaksi lejar dan kedudukan terkini baki cukai. Kemudahan untuk mengakses e-Lejar hanya dibuka kepada pembayar cukai individu yang mempunyai nombor pengenalan e-Filing sahaja. Sepanjang tahun 2010, seramai 43,507 pengguna telah menggunakan aplikasi ini.

e-SPC

e-SPC merupakan aplikasi untuk memohon surat penyelesaian cukai pekerja oleh majikan secara atas talian. Ia mula dilaksanakan pada 1 Ogos 2010. Majikan perlu menggunakan sijil digital untuk mengakses dan menandatangani borang pemberitahuan pemberhentian kerja (Borang CP22A/CP22B) dan borang pemberitahuan pekerja yang akan meninggalkan negara (Borang CP21). Seramai 120 majikan telah menggunakan e-SPC sepanjang tahun 2010.





Pembesaran Asas Cukai

Banci Bisnes


Aktiviti Banci Bisnes merupakan program yang dijalankan di peringkat cawangan dengan tujuan untuk meningkatkan kadar pematuhan dan membesarkan asas cukai. Selain itu, aktiviti yang dijalankan di premis perniagaan pembayar cukai ini juga diadakan bagi menyokong dan menyediakan maklumat asas pembayar cukai bagi digunakan dalam tindakan pematuhan/penguatkuasaan. Semasa aktiviti dijalankan, khidmat nasihat percukaian juga diberikan kepada pembayar cukai mengenai penyimpanan rekod, undang-undang serta peraturan percukaian yang perlu dipatuhi dan pembelajaran berkaitan potongan cukai yang tepat. Fokus lawatan adalah di lokasi berikut:

- Kawasan perniagaan baru;
- Kawasan perniagaan lama yang belum pernah dilawati; dan
- Kawasan perniagaan berpotensi tinggi.



Ejen Pemungutan PTPTN

LHDNM telah dilantik menjadi ejen pemungutan pinjaman pendidikan bagi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) di bawah Seksyen 25 Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566). Pada keseluruhannya, jumlah pungutan yang meningkat setiap tahun adalah didorong oleh pertambahan bilangan peminjam yang membuat bayaran balik pinjaman ke LHDNM secara sukarela.



Hak Pembayar Cukai

Perundangan cukai memberikan hak kepada pembayar cukai mengemukakan bantahan dan rayuan terhadap sesuatu taksiran yang dibangkitkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis taksiran dikeluarkan.

Sekiranya pembayar cukai masih tidak berpuas hati dengan keputusan LHDNM, mereka boleh mengemukakan rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) dengan mengisi Borang Q dan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri akan mengemukakan kes tersebut kepada PKCP untuk membuat keputusan. Kedua-dua pihak boleh membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi sekiranya tidak bersetuju dengan keputusan PKCP dan seterusnya ke Mahkamah Rayuan.

BANTAHAN RASMI

Bantahan	Cukai Pendapatan				CKHT	
	Syarikat		Individu*			
	2010	2009	2010	2009	2010	2009
Dalam Proses (b/h)**	26	12	2	0	4	3
Difailkan Dalam Tahun	79	64	24	24	2	11
Jumlah	105	76	26	24	6	14
Selesai	85	50	22	22	6	10
Dalam Proses (h/h)***	20	26	4	2	0	4

* Termasuk badan amanah, pertubuhan dan perkongsian.

** b/h: bawa hadapan daripada tahun sebelumnya.

*** h/h: hantar hadapan ke tahun berikutnya.

RAYUAN KE PKCP, MAHKAMAH TINGGI DAN MAHKAMAH RAYUAN

Rayuan	PKCP		Mahkamah Tinggi		Mahkamah Rayuan	
	2010	2009	2010	2009	2010	2009
Dalam Proses (b/h)*	128	89	42	47	13	11
Difailkan Dalam Tahun	104	74	18	16	34	13
Jumlah	232	163	60	63	47	24
Selesai	54	35	36	21	7	11
Dalam Proses (h/h)**	178	128	24	42	40	13

* b/h: bawa hadapan daripada tahun sebelumnya.

** h/h: hantar hadapan ke tahun berikutnya.

Tanggungjawab Sosial Korporat

Pada tahun 2010, LHDNM telah mengorak langkah proaktif dengan menubuhkan unit yang bertanggungjawab untuk merancang serta melaksanakan aktiviti-aktiviti tanggungjawab sosial korporat atau *Corporate Social Responsibility* (CSR) seperti yang telah dirangka dalam Perancangan Strategik LHDNM 2009-2013. Program CSR bukan saja bertujuan meningkatkan imej dan reputasi LHDNM, tetapi juga bagi memberi manfaat pada kesejahteraan serta kepentingan masyarakat dan organisasi.

Sehubungan itu, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM telah bersetuju mengadakan kutipan tunai yang berupa sumbangan ikhlas daripada seluruh warga Hasil untuk disalurkan ke rumah-rumah kebajikan dan juga penerima sumbangan yang lain. Selain daripada pelaksanaan di peringkat Ibu Pejabat, pelaksanaan program CSR pada tahun ini juga diperluaskan ke peringkat negeri dan cawangan LHDNM seluruh negara untuk memberi manfaat kepada penduduk tempatan.

Antara aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2010 ialah kutipan sumbangan Ramadhan daripada pegawai dan staf LHDNM di seluruh Selangor dan Lembah Klang. Sebanyak RM19,272.50 berjaya dikutip dan telah diagihkan kepada beberapa penerima sumbangan yang terdiri daripada Rumah Titian Kaseh, Titiwangsa, Kuala Lumpur, Maahad Tahfiz Baitul Ummah, Setapak, Kuala Lumpur dan Murid Yatim & Miskin, Sekolah Kebangsaan Pasir Panjang, Sekinchan, Selangor.

Selain itu, berikutan banjir yang melanda utara tanah air yang melibatkan Kedah dan Perlis, sebanyak RM32,429.15 telah berjaya dikutip melalui sumbangan warga Hasil seluruh negara. Seramai 69 orang warga Hasil dan 98 orang masyarakat setempat yang terjejas akibat banjir telah menerima sumbangan berbentuk tunai dan barangan keperluan harian. Manakala, Madrasah Tarbiah Al Islamiyah, Dehrang, Alor Setar turut menerima RM3,000 bagi menampung kerugian teruk akibat banjir tersebut.



JARINGAN ANTARABANGSA

JARINGAN
ANTARABANGSA

| Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali |

Seiring dengan peningkatan peranan Malaysia di arena perdagangan antarabangsa, LHDNM bersama-sama dengan Perbendaharaan Malaysia sentiasa proaktif dalam mewujudkan dan menguatkuasakan Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali (PPPDK) dengan negara-negara lain terutama sekali dengan negara yang mempunyai kepentingan ekonomi dengan Malaysia. PPPDK merupakan perjanjian penting yang dimeterai antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Negara Pejanji bagi pengelakan pencukaaian dua kali atas pendapatan yang sama. Ia juga berfungsi untuk menghalang pelarian cukai dan pencegahan pelarian fiskal mengenai cukai atas pendapatan. Bagi meneruskan kesinambungan serta menggalak kemasukan pelaburan asing ke Malaysia, PPPDK diharap dapat memberi jaminan kepada para pelabur asing berkaitan layanan cukai ke atas pendapatan dari Malaysia.

PPPDK juga menentukan hak mencukai antara negara pejanji dan memperuntukkan kredit cukai atau pelepasan cukai bagi menghapuskan pengenaan cukai dua kali yang melibatkan pemastautin di kedua-dua negara pejanji. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan pematuhan cukai di kalangan pembayar cukai yang terlibat dalam transaksi merentasi sempadan dan mencegah pelarian dan pengelakan cukai melalui pertukaran maklumat dalam hal-hal percukaaian antara negara pejanji.

Sepanjang tahun 2010, sebanyak enam rundingan PPPDK telah diadakan dengan negara Kanada, Uruguay, India, Portugal, Hong Kong dan Korea Selatan. Sehingga 31 Disember 2010, PPPDK Malaysia telah meningkat daripada 65 kepada 69 dengan berkuatkuasanya empat PPPDK baharu dalam tahun 2010 iaitu dengan kemasukan PPPDK dengan negara Brunei, Turkmenistan, Kazakhstan dan San Marino. Rundingan-rundingan PPPDK akan terus dijalankan dari masa ke masa dan sehingga sekarang sejumlah sembilan negara sedang dalam rundingan PPPDK dengan Malaysia.



Jalinan Dan Jaringan Antarabangsa



LHDNM sentiasa meneruskan jalinan rangkaian kerja yang aktif dalam pelbagai pertubuhan percukaian antarabangsa seperti OECD, SGATAR, JICA, ATAIC, CATA dan sebagainya. Melalui penglibatan secara aktif dalam pertubuhan-pertubuhan tersebut, secara tidak langsung telah meningkatkan imej LHDNM khususnya dan Malaysia amnya serta dapat memperluaskan jaringan antarabangsa dengan pentadbir-pentadbir cukai dari seluruh dunia.

Dalam tahun 2010, Malaysia telah diberi penghormatan sebagai tuan rumah untuk dua persidangan percukaian antarabangsa iaitu *Asian Tax Authorities Symposium (ATAS)* pada 14 hingga 17 Jun 2010 dan *1st Meeting of the UN Tax Committee Sub-Committee on Practical Aspects of Transfer Pricing* yang telah diadakan pada 16 hingga 17 Jun 2010. ATAS ialah persidangan yang dihadiri oleh pegawai-pegawai percukaian peringkat tertinggi dari 17 negara di rantau Asia Pasifik dan ia adalah anjuran bersama LHDNM, *International Bureau of Fiscal Documentation (IBFD)*, *The Financing for Development Office (FfDO) of the United Nations* dan *The Royal Norwegian Ministry of Foreign Affairs (MFA)*. Objektif ATAS adalah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pentadbir cukai dan pembuat dasar di rantau asia pasifik berkenaan dengan isu-isu percukaian antarabangsa sejajar dengan peningkatan aktiviti ekonomi secara global.

Bagi *1st Meeting of the UN Tax Committee Sub-Committee on Practical Aspects of Transfer Pricing* pula, persidangan yang julung kali diadakan ini adalah bertujuan untuk membangunkan manual

pindahan harga berdasarkan *United Nations Model Convention*. Persidangan ini telah membincangkan beberapa topik untuk mencapai persetujuan jawatankuasa *United Nations Committee of Experts on International Taxation* dan para perwakilan yang hadir dalam menyediakan manual ini dan menangani isu-isu terkini pindahan harga. Topik-topik yang dibincangkan adalah seperti berikut:

- *Introduction to Transfer Pricing;*
- *Establishing Transfer Pricing Capability in a Tax Administration;*
- *The Legal, Economic and Business Framework;* dan
- *Transfer Pricing Methods.*

Pemilihan dan kejayaan Malaysia sebagai tuan rumah dalam penganjuran persidangan-persidangan bertaraf antarabangsa ini adalah satu pengiktirafan antarabangsa kepada LHDNM terutamanya penganjuran *1st Meeting of the UN Tax Committee Sub-Committee on Practical Aspects of Transfer Pricing* kerana Malaysia terpilih menjadi tuan rumah yang pertama untuk persidangan ini bagi pihak *United Nations*.

Nota

OECD	- Organisation for Economic Co-Operation and Development
SGATAR	- Study Group on Asian Tax Administration and Research
JICA	- Japan International Cooperation Agency
ATAIC	- Association of Tax Authorities of Islamic Countries
CATA	- Commonwealth Association of Tax Administrators

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

PEMBANGUNAN
MODAL INSAN


Pembangunan Sumber Manusia

Modal insan yang berkualiti merupakan elemen penting kepada organisasi kerana mereka adalah pemangkin utama dalam menjana, menggerak dan menyelaraskan sumber bagi mencapai matlamat organisasi. Sebagai langkah untuk meningkatkan keupayaan LHDNM sebagai pentadbir cukai, pengurusan LHDNM telah mengkaji semula skim perkhidmatan sedia ada selaras dengan perubahan semasa serta membuka lebih banyak peluang peningkatan kemajuan kerjaya pegawai.

Sehubungan itu, berkuatkuasa 1 April 2010, Skim Perkhidmatan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan 2010) [SPLHDNM 2010] telah dilaksanakan bagi menjumudkan Skim Perkhidmatan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (SPLHDNM 1996). Perubahan skim perkhidmatan ini melibatkan penyusunan semula gred, bidang dan lingkungan gaji, penggubalan semula syarat lantikan, pelaksanaan kelayakan masuk pelbagai, konsep *multi-skill* dan perubahan struktur kenaikan pangkat.

Bagi memantapkan jentera pentadbiran LHDNM, program pengambilan terus dilaksanakan bagi meningkatkan jumlah sumber manusia berdasarkan keperluan semasa. Sepanjang tahun 2010, seramai 278 orang calon telah dilantik ke jawatan tetap bagi mengisi kekosongan jawatan untuk pelbagai kategori gred. Untuk tahun ini, pengambilan calon-calon baru dilaksanakan melalui penggunaan Portal JobsMalaysia dan e-Kerjaya selaras dengan matlamat penggunaan teknologi maklumat dalam pengurusan pentadbiran.

Aspek pembangunan sumber manusia diberi penekanan dengan tumpuan terhadap keperluan pembelajaran sepanjang hayat bagi memastikan pegawai LHDNM mempunyai daya saing sepanjang masa. Dalam era *k-Economy*, kumpulan pegawai profesional adalah amat penting dan diperlukan untuk proses inovasi dan penggubalan dasar. Hanya modal insan yang berkualiti dapat menjamin pembangunan negara yang selari dengan tuntutan ekonomi global. LHDNM memberi peluang kepada pegawai yang layak bagi mengikuti program pengajian di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah secara sepenuh/separuh masa di Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara.



Program Latihan Dalaman

Akademi Percukaian Malaysia (APM) berperanan sebagai pusat latihan dan kecemerlangan LHDNM. APM bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan program latihan yang berkualiti kepada pegawai bagi mewujudkan sumber manusia yang lebih berpengetahuan, berprestasi tinggi, *multi-skilled*, berintegriti, kreatif dan inovatif. Skop latihan yang disediakan adalah meliputi bidang penyiasatan, pengurusan, amalan audit serta perhubungan awam.

Selain latihan kepada pegawai LHDNM, APM juga turut menganjurkan kursus antarabangsa bagi memberi peluang kepada peserta dari negara membangun untuk mendapat latihan, berbincang dan berkongsi pengalaman. APM juga menganjurkan kursus-kursus pembelajaran cukai yang dibuka kepada orang ramai untuk meningkatkan kesedaran terhadap pematuhan undang-undang cukai supaya dapat memikul tanggungjawab untuk sama-sama menyumbang ke arah pembangunan dan kemakmuran negara. Pada 6 hingga 7 Julai 2010, Pusat Latihan Antarabangsa dan Pembelajaran Cukai, APM dengan kerjasama badan percukaian tempatan telah menganjurkan *National Tax Conference 2010* bagi menyediakan forum kepada pengamal cukai, akauntan, juruaudit, ahli korporat dan ahli akademik bertemu dan mendapatkan perkembangan terkini berhubung arena percukaian tempatan dan antarabangsa. Ahli panel yang berkaliber dari dalam dan luar negara telah dijemput untuk memberikan input tentang isu-isu yang terkini berhubung percukaian.



APM juga menyediakan platform *Multimedia Learning System* (MMLS) sebagai medium baru pembelajaran cukai atas talian (*e-Learning*). Kemudahan yang disediakan menerusi MMLS adalah merangkumi muat turun nota, muat turun bahan latihan, kuiz dan rujukan kandungan kursus. Pada tahun 2010, sebanyak 47 kursus telah didaftarkan menggunakan MMLS dan melibatkan peserta kursus seramai 2,117 orang. Sebagai langkah penambahbaikan, APM sedang dalam rangka membangunkan *Learning Content* bagi memberi dimensi baru terhadap penggunaan MMLS dan seterusnya mengadaptasikan budaya kursus secara *online* yang bersesuaian dengan kumpulan sasaran. APM beriltizam untuk sentiasa meningkatkan kecemerlangan dalam program latihan agar ia memenuhi kehendak pelanggan selaras dengan keperluan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008.

Selain APM, fungsi latihan turut dijalankan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPM), Jabatan Sumber Manusia LHDNM. BPM berperanan merancang, menyelaraskan dan menguruskan penyertaan pegawai LHDNM dalam program latihan dalaman dan juga latihan yang dikendalikan agensi luar seperti Institut Tadbir Awam Negara (INTAN), Perbendaharaan Malaysia dan lain-lain. Latihan yang ditawarkan meliputi aspek perhubungan organisasi, pengurusan, peningkatan kemahiran dan kepimpinan. Sepanjang tahun 2010, sebanyak 44 kursus secara *in-house* dan 55 kursus dengan agensi luar berjaya dilaksanakan dan masing-masing melibatkan 1,955 dan 222 peserta.

Program Latihan APM	Jumlah Pelaksanaan Kursus	Jumlah Peserta
Pusat Latihan Akaun dan Audit	98	2,451
Pusat Latihan Undang-undang	18	720
Pusat Latihan dan Pembangunan ICT	23	913
Pusat Latihan Pengurusan	53	3,875
Pusat Latihan Siasatan	25	597
Pusat Latihan Antarabangsa dan Pembelajaran Cukai	18	2,365
Jumlah	235	10,921

Program Latihan Antarabangsa

Sepanjang tahun 2010, Malaysia telah menjalin jaringan kerja dengan pentadbir cukai luar negara melalui penglibatan 91 pegawai LHDNM di persidangan, mesyuarat, kursus, seminar dan lawatan kerja di Nigeria, Kanada, Australia, Mauritius, Bahamas, Turki, Morocco, Filipina, Republik Rakyat China, Perancis, Vietnam, United Kingdom, Jepun, Korea Selatan, Singapura, Switzerland dan Thailand. LHDNM menyedari kepentingan pegawai-pegawainya diberi pendedahan di peringkat antarabangsa supaya isu-isu percukaian terkini dapat dipelajari oleh pegawai-pegawai LHDNM. Pendedahan yang berterusan ini diharap dapat meningkatkan kepakaran pegawai-pegawai dalam menjalankan tugas masing-masing.

KURSUS USAHASAMA LHDNM-JICA

Tajuk	Tarikh
<i>Audit on Special Industries – Insurance, Telecommunication & Shipping</i>	12 - 15 Januari
<i>Mutual Agreement Procedure (Advance Level)</i>	9 - 11 Februari
<i>e-Commerce</i>	23 - 26 Mac
<i>Role of Criminology and Ethics in Tax Fraud Investigations</i>	6 - 9 April
<i>Third Country Training Programme</i>	20 September - 1 Oktober
<i>Third Country Training Programme (African Countries)</i>	1 - 12 November

KURSUS USAHASAMA LHDNM-CATA

Tajuk	Tarikh
<i>Workshop on Taxation of International Transactions</i>	3 - 21 Mei

Dengan menggunakan kepakaran dalaman dan luar, penganjuran kursus-kursus percukaian antarabangsa anjuran LHDNM melalui kerjasama dengan organisasi antarabangsa seperti *Commonwealth Association of Tax Administrators (CATA)*, *The Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD)*, *The International Bureau of Fiscal Documentation (IBFD)*, *The Internal Revenue Service U.S.A (IRS)*, *Australian Taxation Office (ATO)*, *Asian Development Bank Institute (ADBI)* dan *Japan International Cooperation Agency (JICA)* telah dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Kecemerlangan yang telah ditunjukkan oleh LHDNM telah membuka mata pentadbir-pentadbir cukai luar negara untuk berkunjung ke Malaysia dan berkongsi kepakaran. Sepanjang tahun 2010, beberapa lawatan sambil belajar ke LHDNM telah diterima dari luar negara. Antara negara-negara tersebut ialah Vietnam, India, Tanzania, Bangladesh, Fiji, Indonesia, Seychelles dan Filipina. Matlamat kunjungan kumpulan dari luar negara ini adalah untuk berkongsi pengalaman dan pendekatan yang diamalkan oleh LHDNM.

KURSUS USAHASAMA LHDNM-OECD

Tajuk	Tarikh
<i>Practical Workshop on the Negotiation of Tax Treaties</i>	8 - 12 Mac
<i>Workshop on Transfer Pricing</i>	15 - 17 Jun
<i>Seminar on Transfer Pricing</i>	21 - 25 Jun
<i>Seminar on Advance Pricing Agreements</i>	2 - 6 Ogos
<i>Taxation on Financial Markets</i>	25 - 29 Oktober
<i>Workshop on International Tax Avoidance</i>	22 - 26 November
<i>Auditing of Multinational Enterprises</i>	29 November - 3 Disember

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Program Kerjasama

Melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM), kerajaan telah menaja sepenuhnya kursus-kursus percukaian yang dianjurkan oleh Pusat Latihan Antarabangsa dan Pembelajaran Cukai, APM. Tujuan kerjasama ini adalah untuk menyediakan platform kepada negara-negara ahli PKTM mempelajari amalan terbaik dalam bidang pentadbiran percukaian di Malaysia. Sepanjang tempoh kursus dijalankan, peserta mendapat peluang berkongsi pengalaman dan pandangan serta menjalinkan hubungan kerja.



Tajuk	Tarikh
<i>Tax Enforcement</i>	19 - 30 April
<i>General Tax Administration Course</i>	12 - 30 Julai
<i>Tax Treaty</i>	11 - 22 Oktober

Hari Pentadbiran Bersama Pelanggan



Hari Pentadbiran Bersama Pelanggan (HPBP) 2010 adalah merupakan aktiviti tahunan yang dianjurkan oleh Jabatan Sumber Manusia (JSM), LHDNM sebagai platform untuk menilai tahap kepuasan pelanggan terhadap penyampaian perkhidmatan oleh JSM. HPBP 2010 dilaksanakan selaras dengan keperluan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008. Ia akan dijadikan mekanisme untuk melakukan tindakan pembetulan dan melaksanakan tindakan penambahbaikan kualiti penyampaian perkhidmatan LHDNM. Sejumlah 27 kaunter yang menyediakan pelbagai perkhidmatan telah disediakan dan mencatatkan kunjungan seramai 623 orang pegawai LHDNM.

**BUDAYA KERJA
BERPRESTASI
TINGGI**

LHDNM sentiasa berusaha untuk memantapkan pengurusan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan bagi mencapai matlamat organisasi. Sehubungan itu, program-program yang menekankan aspek kualiti sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa bagi membentuk budaya kerja berprestasi tinggi yang berasaskan nilai-nilai murni dan etika dan seterusnya memberi impak yang signifikan kepada pelanggan dan masyarakat.

Pelaksanaan KPI LHDNM 2010

LHDNM melaksanakan pengukuran prestasi 2010 menerusi KPI LHDNM 2010 berpanduan lima matlamat strategik yang telah ditetapkan. KPI LHDNM 2010 mengandungi 10 komponen yang terdiri daripada dua komponen untuk mengukur pencapaian dalam fungsi pungutan dan bayaran balik cukai, dua komponen bagi mengukur pencapaian fungsi pematuhan, satu komponen bagi mengukur fungsi penguatkuasaan, dua komponen mengukur penyampaian perkhidmatan, dua komponen mengukur latihan dan kompetensi kakitangan dan satu komponen untuk mengukur kos operasi. Sehingga 31 Disember 2010, LHDNM berjaya mencapai kesemua 10 komponen KPI yang telah ditetapkan.

Matlamat	Proses Utama	KPI 2010	Pencapaian/Prestasi 2010
Memungut jumlah cukai yang sepatutnya secara adil dan saksama	Kutipan Cukai	Kasar: RM84.156 bilion	Kasar: RM86.499 bilion
	Akaun Belum Terima (ABT)	Dikurangkan 45% daripada ABT pada 1/1/2010	Dikurangkan 51% daripada ABT pada 1/1/2010
	Kecekapan Kos Pungutan	Tidak melebihi RM1.30 bagi setiap RM100 cukai yang dipungut	RM1.04 bagi setiap RM100 cukai yang dipungut
Menanamkan kepercayaan orang awam terhadap keadilan dan keunggulan pentadbiran sistem percukaian	Audit (audit luar dan audit meja)	Fail syarikat (C/CS/F/FA/TC/A): 9% daripada fail aktif	Fail syarikat (C/CS/F/FA/TC/A): 10.24% daripada fail aktif
		Fail Individu (OG/D): 13% daripada fail aktif	Fail Individu (OG/D): 17.91% daripada fail aktif
		Fail Penggajian (SG): 17% daripada fail aktif	Fail Penggajian (SG): 22.01% daripada fail aktif
		PCB Majikan: 8% daripada fail aktif	PCB Majikan: 8.64% daripada fail aktif
	Siasatan	Jumlah kes selesai: 665	Jumlah kes selesai: 763
Memperluaskan asas cukai	Bayaran balik	Menyelesaikan 70% daripada permohonan bayaran balik	Menyelesaikan 91.74% daripada permohonan bayaran balik
	Semua jenis fail	5% peningkatan berasaskan fail aktif	6.98% peningkatan berasaskan fail aktif
Memodenkan sistem dan prosedur kerja selaras dengan keperluan semasa	Perkhidmatan elektronik LHDNM: e-Filing	55% daripada borang nyata cukai pendapatan diterima	56.06% daripada borang nyata cukai pendapatan diterima
Melahirkan modal insan yang kompeten, profesional, berintegriti dan berdedikasi	Latihan	Melaksanakan 85% program latihan Akademi Percukaian Malaysia	Melaksanakan 95% program latihan Akademi Percukaian Malaysia
	Kompetensi pegawai dan staf LHDNM	Sekurang-kurangnya 30% pegawai LHDNM mencapai 40 jam latihan	58.61% pegawai LHDNM mencapai 40 jam latihan

Piagam Pelanggan

Pemantauan Keberkesanan Pelaksanaan Piagam Pelanggan

Piagam Pelanggan disediakan bagi memberi jaminan kepada pelanggan bahawa LHDNM akan menyampaikan perkhidmatan mengikut norma masa dan piawaian kualiti yang ditetapkan. Ia merupakan komitmen LHDNM untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan secara berterusan dan memberi layanan yang adil dan saksama dalam segala urusan percukaian.

LHDNM meneruskan usaha memantau keberkesanan pelaksanaan Piagam Pelanggan melalui penyediaan Laporan Pencapaian

Piagam Pelanggan bagi tujuan penilaian, pemantauan dan penambahbaikan perkhidmatan yang telah diberikan. Paparan laporan tersebut boleh dicapai melalui laman web LHDNM, www.hasil.gov.my dan statistik disediakan secara bulanan. Secara tidak langsung, paparan ini menjadi medium bagi saluran maklumbalas dan kesedaran mengenai pelaksanaan Piagam Pelanggan LHDNM.

Pada amnya, pencapaian Piagam Pelanggan bagi tahun 2010 adalah menepati piawaian yang ditetapkan dengan skor melebihi daripada 70%. Ini menunjukkan LHDNM berjaya menguruskan komitmen dan janji kepada pelanggan dalam menyampaikan perkhidmatan mengikut piawaian kualiti yang ditetapkan.

Bil.	Piagam Pelanggan	Menepati Piagam	Tidak Menepati Piagam	Status Pencapaian
1.	Menyediakan Borang Nyata Cukai Pendapatan Semasa bagi : a) Pembayar cukai individu - pada akhir bulan Februari b) Pembayar cukai selain individu - pada akhir bulan April	100 100	- -	■ ■
2.	Menyediakan kemudahan menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan secara elektronik	100	-	■
3.	Mengembalikan lebih bayaran/pembayaran balik cukai pendapatan bagi Borang Nyata Cukai Pendapatan yang lengkap dan betul dari tarikh penerimaan borang secara : a) e-Filing - 30 hari bekerja b) Pos atau serahan tangan - 90 hari bekerja	80.31 93.19	19.69 6.81	■ ■
4.	Mengeluarkan surat penyelesaian cukai dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh dokumen relevan yang lengkap diterima	92.24	7.76	■
5.	Mengambil tindakan atas surat cara pindah milik harta tanah bagi taksiran duti setem seperti berikut : a) Menghantar borang PDS 15 untuk penilaian - 8 hari bekerja b) Mengeluarkan notis taksiran dari tarikh laporan penilaian diterima - 8 hari bekerja c) Mengendorskan Borang KTN 14 A dari tarikh bayaran diterima - 3 hari bekerja	98.86 99.71 97.91	1.14 0.29 2.09	■ ■ ■
6.	Menaksir surat cara selain daripada surat cara pindah milik harta tanah bagi : a) Taksiran rasmi - 5 hari bekerja b) Taksiran tidak rasmi -1 hari bekerja terhadap kepada 30 surat cara bagi setiap pemohon	99.90 -	0.10 -	■ -
7.	Menyelesaikan rayuan/bantahan selain daripada Borang Q dalam tempoh 60 hari sekiranya maklumat lengkap diterima	85.44	14.56	■
8.	Memproses Borang Q untuk dikemukakan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh 5 bulan dari tarikh penerimaannya	93.60	6.40	■

Nota

- Data bagi kajian piagam 1(a), 2 dan 3 adalah mulai Mac 2010.
- Data bagi kajian piagam 1(b), 4 dan 7 adalah mulai April 2010.
- Data bagi kajian piagam 5 dan 6 adalah mulai Jun 2010.
- Data bagi kajian piagam 8 mulai Oktober 2010.
- Bagi piagam 6(b), taksiran tidak rasmi telah dibatalkan menurut Perintah Akta Setem 1949 mulai 01.01.2009.

Petunjuk	Pencapaian
■	Lebih dari 70%

Sistem Pengurusan Audit Nilai



Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) membantu jabatan dan agensi kerajaan mengukur tahap pengamalan nilai murni dan seterusnya meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. SPAN turut dilaksanakan di LHDNM dengan tujuan untuk mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan program-program nilai murni dan mengukur tahap keberkesanan penerapan, penghayatan dan pengamalan nilai murni dari segi ideologi, peribadi dan persepsi. Pelaksanaan SPAN adalah melalui maklum balas pelanggan dengan mengambil kira enam nilai teras perkhidmatan awam iaitu amanah, benar, bijaksana, adil, telus dan bersyukur.

SPAN LHDNM dilaksanakan secara berperingkat seperti berikut:

- Tahun 2008 : Cawangan Cheras (sebagai projek *Pilot*);
- Tahun 2009 : Ibu Pejabat; dan
- Tahun 2010 : 64 (Pejabat Pengarah Negeri/Cawangan dan Cawangan Siasatan).

Bagi tahun 2010, SPAN telah dilaksanakan secara atas talian dengan melibatkan 12 Pejabat Pengarah Negeri, 36 Cawangan dan 17 Cawangan Siasatan. Aktiviti ini telah dilaksanakan pada 10 November 2010 hingga 17 Disember 2010 dengan menggunakan pendekatan pengauditan secara jarak jauh. Dengan menggunakan pendekatan ini, Pasukan Audit Nilai LHDNM telah melantik Ketua Unit Pentadbiran, Penyelaras Komputer dan Pegawai Perhubungan Awam Cawangan sebagai wakil Pasukan Audit Nilai LHDNM. Dengan aktiviti 2010 ini, SPAN telah dilaksanakan ke seluruh Jabatan/Bahagian/Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan. Laporan SPAN LHDNM akan disediakan dalam tahun 2011 bagi melihat serta membangunkan strategi dalam meningkatkan tahap pengamalan nilai-nilai murni di LHDNM.

Anugerah dan Pengiktirafan

Sebagai pengiktirafan kepada inisiatif dan penghasilan inovasi yang dilakukan dalam penyampaian perkhidmatan sektor awam, kerajaan telah memperkenalkan Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) mulai tahun 2010. Anugerah ini adalah seiring dengan penganjuran Malaysia Inovatif 2010 yang dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri bagi memupuk budaya kerja berprestasi tinggi, berinovasi dan kreatif di kalangan rakyat Malaysia dan seterusnya membawa negara ke tahap ekonomi yang maju dan berdaya saing.

LHDNM telah dinobatkan sebagai penerima sulung bagi Anugerah Inovasi Perdana Menteri dan sekaligus diiktiraf sebagai agensi sektor awam yang paling berinovasi bagi tahun penilaian 2009. Pemilihan bagi penerima AIPM dibuat melalui proses pencalonan oleh Jawatankuasa Pemilihan yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan. Dengan kemenangan tersebut, LHDNM memenangi piala AIPM dan hadiah wang tunai RM1 juta. Majlis penganugerahan telah dianjurkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada 26 Mei 2010 bertempat di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur. Penyampaian piala AIPM dan replika cek telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak kepada Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, YBhg Dato' Hasmah binti Abdullah.



Anugerah ini merupakan pengiktirafan kepada LHDNM yang telah menghasilkan inovasi melalui aplikasi ICT dalam sistem operasi percukaian yang signifikan dan memberi impak tinggi kepada pembayar cukai. Hasil pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan melalui e-Filing telah mempercepatkan proses bayaran balik cukai dan faktor ini telah menyeronokkan atau menggembirakan pembayar cukai (*delighting the taxpayer*). Dengan proses bayaran balik yang pantas, pembayar cukai tidak merasa ragu untuk membayar cukai kerana mereka yakin bahawa lebih cukai yang dibayar akan dibayar balik kepada mereka dengan cepat.

MAJLIS ANUGERAH INOVASI
PERDANA MENTERI
2009

**DIARI
HASIL**

DIARI
HASIL



21 Januari 2010 Petaling Jaya

YBhg Dato' Hasmah binti Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM menerima replika kunci Menara Hasil Cawangan Petaling Jaya daripada Encik Ahmad Khalif bin Tan Sri Mustapha Kamal, Pengerusi Eksekutif, Tujuan Gemilang Sdn. Bhd.

11 Februari 2010 Putrajaya

YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak bersalaman dengan Dato' Hasmah selepas perasmian Majlis Pelancaran *My Corporate Identity* (MyCoID).



31 Mac 2010 Seri Kembangan

Kontinjen warga Hasil sewaktu menyertai perhimpunan Hari Pekerja yang diadakan di *Malaysia International Exhibition & Convention Centre* (MIECC).

14 April 2010 Kuala Lumpur

YBhg Dato' Dr. Mohd Shukor bin Hj. Mahfar, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Percukaian) LHDNM di dalam rancangan Dialog@1 bersama-sama *opinion leaders*.





9 Mei 2010
Singapura

Atlet LHDNM bergambar kenangan dengan atlet *Inland Revenue Authority of Singapore* (IRAS) semasa Pesta Sukan Hasil Malaysia-Singapura 2010 yang diadakan di Singapura.

26 Mei 2010
Kuala Lumpur

Dato' Hasmah dan Dato' Dr. Mohd Shukor semasa menerima Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2009 daripada Perdana Menteri Malaysia.



7 Julai 2010
Kuala Lumpur

National Tax Conference 2010 yang diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengamal percukaian, akauntan, ahli akademik, peguam dan pembayar cukai.

18 Ogos 2010
Jalan Duta

Tan Sri Hasmah bersama-sama wakil daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada Sidang Media Bersama LHDNM-SKMM-PDRM.



Nota
YBhg Tan Sri Hasmah binti Abdullah dianugerahkan darjah Panglima Setia Mahkota (P.S.M) yang membawa gelaran Tan Sri pada 5 Jun 2010.



15 Oktober 2010
Jalan Duta

Pegawai-pegawai LHDNM di Pusat Operasi Talian Khas Bajet 2011 sedang melayan panggilan orang awam berhubung dengan isu-isu percukaian selepas pembentangan Bajet 2011.

16 Oktober 2010
Kuala Lumpur

Tan Sri Hasmah bersama-sama Timbalan-timbalan Ketua Pengarah LHDNM pada Majlis Taklimat Bajet 2011.



19 Oktober 2010
Kuala Lumpur

YB Senator Dato' Ir Donald Lim Siang Chai, Timbalan Menteri Kewangan merasmikan Seminar Percukaian Kebangsaan 2010 bertempat di Hotel Legend, Kuala Lumpur.

1 November 2010
Jalan Duta

Dato' Dr. Mohd Shukor sedang menyampaikan sijil penghargaan sempena sambutan Hari Inovasi LHDNM Tahun 2010 Peringkat Ibu Pejabat.





1 November 2010
Kuala Lumpur

Dato' Dr. Mohd Shukor sedang memberi penerangan kepada YB Dato' Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, Menteri Kewangan II dan tetamu VVIP yang lain semasa lawatan ke kaunter LHDNM pada Majlis Sambutan Hari Inovasi Kementerian Kewangan 2010.

26 November 2010
Kangar

Majlis penyerahan cek dan barangan keperluan harian kepada mangsa banjir di Perlis adalah antara program CSR LHDNM yang dilaksanakan sepanjang tahun 2010.



10 Disember 2010
Jalan Duta

Tan Sri Hasmah menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil media pada Majlis Penghargaan Media, sambil diperhatikan oleh Dato' Dr. Mohd Shukor.


14 Disember 2010
Genting Highland

Pegawai LHDNM sedang memberi penerangan dan tunjuk ajar kepada wakil-wakil media yang menjadi peserta di Bengkel e-Lejar dan *Electronic Fund Transfer* (EFT) 2010.



**PENYATA
KEWANGAN**

PENYATA KEWANGAN



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod dan dokumen secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia pada 31 Disember 2010 serta hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
28 JUN 2011



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Lembaga


Kami **TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH** dan **WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Lembaga **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** pada 31 Disember 2010 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH
Pengerusi
25 April 2011

Kuala Lumpur



WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN
Anggota Lembaga
25 April 2011

Kuala Lumpur

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Saya, **ZAKARIA BIN A. SAMAD**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas, Zakaria bin A. Samad
di Kuala Lumpur
Pada 25 April 2011

)
)
)
)


ZAKARIA BIN A. SAMAD

Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAH


TEOH AI SUAN
PESURUHJAYA SUMPAH
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
KUALA LUMPUR

LEMBARAN IMBANGAN

PADA 31 DISEMBER 2010

	Nota	2010 RM	2009 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	3	543,229,510	447,574,991
KERJA DALAM KEMAJUAN	4	749,780,060	507,144,092
PINJAMAN KEPADA KAKITANGAN	5	955,886	729,263
		1,293,965,456	955,448,346
ASET SEMASA			
Pinjaman Kepada Kakitangan	5	488,408	473,691
Wang Cagaran dan Prabayar	6	7,379,910	3,868,316
Bayaran Pendahuluan	7	17,121,744	26,453,731
Pelbagai Penghutang	8	66,242,073	31,301,487
Faedah Terakru Pelaburan		168,099	458,341
Simpanan Tetap dan Pelaburan Jangka Pendek	9	205,000,000	219,785,000
Wang Tunai dan Baki Bank		3,512,849	6,062,738
JUMLAH ASET SEMASA		299,913,083	288,403,304
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Pemiutang	10	48,256,206	117,159,213
Pinjaman Berjangka	11	46,599,764	47,536,223
Peruntukan Yuran Audit		80,000	80,000
Peruntukan Hapuskira		22,493	1,196
Deposit	12	6,792,589	5,441,812
JUMLAH LIABILITI SEMASA		101,751,052	170,218,444
ASET SEMASA BERSIH		198,162,031	118,184,860
JUMLAH ASET BERSIH		1,492,127,487	1,073,633,206
DIBIAYAI OLEH:			
Kumpulan Wang Pembangunan	13	790,855,458	520,375,644
Kumpulan Wang Amanah	14	3,497,083	3,195,272
Kumpulan Wang Lain	15	36,000,000	36,000,000
Rezab Penilaian Aset	16	74,256,465	66,609,759
Lebihan Terkumpul	17	432,457,041	245,791,327
		1,337,066,047	871,972,002
LIABILITI JANGKA PANJANG			
Pinjaman Berjangka	11	155,061,440	201,661,204
		1,492,127,487	1,073,633,206

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	Nota	2010 RM	2009 RM
Hasil	18	1,187,091,082	1,264,283,236
Pendapatan Operasi Lain	19	59,476	454,490
Kos Kakitangan	20	(676,608,582)	(546,379,909)
Susutnilai/Rosotnilai Hartanah, Loji dan Peralatan		(33,572,583)	(30,672,743)
Perbelanjaan Operasi Lain		(278,053,876)	(615,643,540)
Lebihan/(Kurangan) Daripada Operasi		198,915,517	72,041,534
Kos Kewangan		(21,408,110)	(19,130,879)
Pendapatan Dari Pelaburan Dan Pinjaman		9,158,307	6,039,791
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Tahun Semasa		186,665,714	58,950,446

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Kumpulan Wang Amanah RM	Kumpulan Wang Lain RM	Rezab Penilaian Aset RM	Lebih/ (Kurangan) Terkumpul RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2009	472,105,290	2,758,992	36,000,000	36,877,826	186,840,881	734,582,989
Lebih/(Kurangan) Semasa	48,270,354	436,280	-	-	58,950,446	107,657,080
Penilaian Tanah	-	-	-	27,810,960	-	27,810,960
Penilaian Bangunan	-	-	-	1,920,973	-	1,920,973
Baki pada 31 Disember 2009	520,375,644	3,195,272	36,000,000	66,609,759	245,791,327	871,972,002
Lebih/(Kurangan) Semasa	270,479,814	301,811	-	-	186,665,714	457,447,339
Penilaian Tanah	-	-	-	7,646,706	-	7,646,706
Penilaian Bangunan	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2010	790,855,458	3,497,083	36,000,000	74,256,465	432,457,041	1,337,066,047

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	Nota	2010 RM	2009 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Terimaan Pemberian Kerajaan Persekutuan dan Pendapatan Lain	21	1,104,018,820	1,144,221,343
Bayaran Kepada Pembekal dan Kakitangan	22	(1,026,151,892)	(1,140,150,885)
TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI OPERASI		77,866,928	4,070,458
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan		(94,081,287)	(58,824,796)
Terimaan Daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan		5,268,230	128,270
Pendapatan Dari Pelaburan dan Pinjaman		9,448,549	5,889,625
TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PELABURAN		(79,364,508)	(52,806,901)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Kumpulan Wang Pembangunan		52,265,782	(24,433,310)
Kumpulan Wang Amanah		584,040	449,382
Terimaan Pembiayaan Pinjaman Berjangka		-	67,785,000
Pembayaran Pinjaman Berjangka		(47,536,223)	(51,769,306)
Pinjaman Kepada Kakitangan		(241,340)	441,484
Kos Kewangan Dibayar		(20,909,568)	(19,030,866)
TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PEMBIAYAAN		(15,837,309)	(26,557,616)
Pertambahan/(Pengurangan) Bersih Tunai		(17,334,889)	(75,294,059)
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		225,847,738	301,141,797
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		208,512,849	225,847,738

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

1. MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah ditubuhkan pada 1 Mac 1996 di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533).

LHDNM bertindak sebagai ejen kepada Kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, cukai aktiviti perniagaan luar persisir Labuan, duti setem, duti harta pesaka dan cukai-cukai lain.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Asas Perakaunan

